



Laporan Tahunan

2013

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

# LAPORAN TAHUNAN 2013

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## SIDANG PENGARANG

**Ketua Sidang Pengarang** | Fazidah binti Ithnin

**Sidang Pengarang** | Samsul bin Samdin | Prof. Madya Dr. Rabiah binti Ahmad | Mohd Azmi bin Mat Said | Noornahar binti Akashah | Mez Zelina binti Yusof | Amir Akmal bin Alwee | Mohd Farid bin Mohd Khalid | Ahmad Faizal bin Abdul Rahman | Farudin Hanif bin Ya'amah | Ahmad Hafiz bin Mohd Puad | Mohd Shahrul Nizam bin Shukor | Noorhayati bin Mohd Ishak | Mahathir bin Mazizan | Zulaikha binti Md Radzai | Zulfatria bin Abdullah

**Laporan Kewangan** | Khairul bin Taib | Noraini binti Zabidin

**Rekaletak & Grafik** | Aziza binti Md Buang | Suria binti Abdul Rahman

**Urus Setia** | Bob Faizeli bin Mohamed Din | Al Rohaiya binti Adanan



# Isi Kandungan

Maklumat Korporat	4
Laporan Lembaga Pengarah Universiti	23
Laporan Naib Canselor	25
Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA)	33
Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	45
Pengantarabangsaan	59
Merintis Teknologi Masa Hadapan	71
Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	85
Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	105
Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	109
Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	123
Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Alumni	131
Pengurusan Bakat	137
Laporan Kewangan dan Prestasi	157



UTeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# MAKLUMAT KORPORAT

## Sejarah Penubuhan

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai *World Heritage Site*. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas Penubuhan UTeM adalah berpandukan model 'fachhochschule' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat

dan kini menempatkan empat buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan pada tarikh 11 April 2011, telah sekali lagi mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam **pertama** yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia, selaras dengan tagline UTeM iaitu "Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui".



## Visi, Misi dan Objektif


**Visi** Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

**Misi** UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan :

- i. Memertabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

## Objektif

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurang kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.





## Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai dikalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.


## Piagam Pelanggan

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang
- iv. Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima
- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.
- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu.
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari.
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit.
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut.
- xiii. Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus.
- xiv. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja
- xv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis.
- xvi. Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja
- xvii. Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM

## Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme



## Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti trend globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampingan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.


UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penajajaran set minda yang seterusnya diperkukuhkan melalui pecambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini dipacu oleh **enam tema strategik** utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih bersasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam tema strategik utama adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti dan Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.





## Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP) :  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

Tarikh Penubuhan:  
**1 Disember 2000**

No. Rujukan Akta Penubuhan :  
**Seksyen 20 Akta Unviersiti dan Kolej Universiti 1971**  
**[P.U.(A) 45/2007]**

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:  
**Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
**Naib Canselor**

Alamat  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**  
**Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal**  
**Melaka Bandaraya Bersejarah**  
**Malaysia**



No. Telefon :  
**06-5552000 (Kampus Induk)**  
**06-2833400 (Kampus Bandar)**  
**06-2346898 (Kampus Industri)**



No. Faks:  
**06-3316111**

Alamat emel :  
**nc\_utm@utm.edu.my**

Laman web:

<http://www.utm.edu.my>

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/ Pusat (luar kampus induk)

i - **Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kampus Bandar

Jalan Hang Tuah

75300 Melaka, Malaysia

**Pusat Pengajaran & Pembelajaran**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kampus Bandar

Jalan Hang Tuah

75300 Melaka, Malaysia

**Penerbit Universiti**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kampus Bandar

Jalan Hang Tuah

75300 Melaka, Malaysia

**Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kampus Bandar

Jalan Hang Tuah

75300 Melaka, Malaysia



ii - **Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kampus Industri

Hang Tuah Jaya

75450 Ayer Keroh

Melaka, Malaysia

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan**


Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Kampus Industri

Hang Tuah Jaya

75450 Ayer Keroh

Melaka, Malaysia





# CANSELOR

---

**TUAN YANG TERUTAMA  
TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB  
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# PRO-CANSELOR I

**Y.BHG TAN SRI DATUK  
DR. JOHARI BIN MAT**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PRO-CANSELOR II

**Y.BHG DATUK WIRA  
ISMAIL BIN SALEH**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# AHLI LEMBAGA PENGARAH

Y.BHG DATUK DR. IR.  
HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN  
Pengerusi Lembaga Pengarah

Y.BHG PROF. DATUK DR.  
AHMAD YUSOFF  
BIN HASSAN  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BHG DATUK WIRA  
OMAR BIN KASEH  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BRS DR. ARIS BIN KASAN  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BHG DATUK DR.  
HJ. ABDUL RAMAN BIN HJ. SAAD  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BRS PUAN KHOLIAH BINTI ISMAIL  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BRS ENCIK OMAR SHARIFF  
BIN-MYDEEN  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BHG DATUK PROFESOR DR.  
MOHD NOR BIN HUSAIN  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BRS ENCIK AZRUL BIN AZIZ  
Ahli Lembaga Pengarah

Y.BHG DATUK HASAN BIN SIRUN  
Setiausaha

Y.BRS ENCIK SHAHID-DIN  
BIN MOHD Khatib  
Ahli Ganti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Malaysia

# ALUAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

## *Assalamualaikum dan Salam Hormat,*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izinNya Laporan Tahunan 2013 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak.

Melihat kepada perkembangan dan pembangunan Universiti dari aspek pengajaran dan pembelajaran, infrastruktur serta kemudahan fasiliti, ternyata segala usaha yang telah dicurahkan oleh seluruh warga Universiti memperlihatkan hasil yang positif. Kerjasama erat antara pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah Universiti turut menjadi penyumbang yang dominan dalam pembentukan Universiti yang lebih berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa.

Penghasilan graduan yang serba boleh dan mampu mengisi keperluan industri menjadi antara yang dititik beratkan oleh Universiti. Bertitik tolak daripada itu, jaringan antara Universiti dan industri yang kukuh amat diperlukan demi memastikan kebolehpasaran graduan dapat dipertingkatkan. Inisiatif seperti UTeM Blue Dot : Pusat Inovasi Kreatif, UTeM Career Connect dan CEO Roundtable merupakan antara program Universiti yang telah memberikan kesan terhadap penetapan hala tuju graduan yang lebih jelas.


Selari dengan arus transformasi dan ledakan globalisasi telah menghasilkan daya penggerak untuk UTeM melalui fasa peralihan yang menuntut perubahan yang lebih sistematik dan terarah bagi berdaya saing, kreatif serta fleksibel dalam sistem pengurusan tadbir urus. Demi mencapai tadbir urus yang sistematik dan efisien, pengiktirafan universiti berautonomi dilihat penting di samping dapat membantu membentuk dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Universiti secara mikro.

Saya berharap agar laporan ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak di samping sebagai rujukan Universiti dalam merealisasikan pencapaian pelan strategik UTeM 2012-2020 yang dibentuk sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Saya juga berdoa agar usaha yang berterusan ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T dan semoga usaha ini akan melonjak Universiti menjadi Universiti Teknikal yang terkemuka didunia selaras dengan misi dan visi Universiti dengan ditunjangi oleh staf yang berkompentensi tinggi dan bersahsiah murni.

***Datuk Dr. Ir. Hj. Ahmad Zaidee bin Laidin***

Pengerusi Lembaga Pengarah







**KAMPUS INDUK**

**KAMPUS BANDAR**

**KAMPUS TEKNOLOGI**



# PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

1 **Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor

2 **Profesor Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

3 **Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

4 **Profesor Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

5 **Profesor Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

6 **Datuk Hassan bin Sirun**  
Pendaftar

7 **Encik Khairul bin Taib**  
Bendahari

8 **Puan Hajah Faridah binti Hj. Md Amin**  
Ketua Pustawakan



PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik  
dan Kejuruteraan Komputer

PROF. MADYA DR. MOHD ZULKIFILIE BIN IBRAHIM  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

ENG. DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL  
BIN SALLEH  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



UTeM  
UNIVERSITI  
TEKNIKAL  
MALAYSIA  
MELAKA

PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI  
BIN ABD GHANI  
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat  
dan Komunikasi

PROF. MADYA DR. MD NOR HAYATI BIN TAHIR  
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi  
dan Teknousahawanan

PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

DR. MARIANA BINTI YUSOFF  
Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan





ENCIK LAR ABDUL WAHAB  
BIN HARUN  
Pengarah Pejabat Pembangunan



ENCIK MOHD ISA BIN MOHD DOM  
Pengarah Pusat Komputer



PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD LANI  
Pengarah Pusat Jaminan Kualiti  
dan Akreditasi



PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN  
BIN SYED HASSAN  
Pengarah Pusat Pengajaran dan  
Pembelajaran



PUAN RUZIAH BINTI ALI  
Pengarah Penerbit Universiti




DR. RADZUAN BIN NORDIN  
Pengarah Pusat Islam



## 2.5 Senat Universiti


BIL.	NAMA	JAWATAN	SEKSYEN	
1.	Y.Bhg. Prof. Datuk Ahmad Yusoff bin Hassan	Pengerusi - Naib Canselor	22(1)(a)	
2.	Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin	TNC (A&A)	Semua Timbalan Naib Canselor 22(1)(b)	
3.	Prof. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor	TNC (PI)		
4.	Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid	TNC (HEPA)		
5.	Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad	Dekan Pusat Pengajian Siswazah		
6.	Prof. Madya Dr. Zulkifilie bin Ibrahim	Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Semua Dekan Fakulti/ Pusat 22(1)(c)	
7.	Prof. Madya. Dr. Abdul Rani bin Othman	Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer		
8.	Dr. Noreffendy bin Tamaldin	Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal		
9.	Prof. Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh	Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan		
10.	Prof. Madya. Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani	Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi		
11.	Prof. Madya Dr. Md. Nor Hayati bin Tahir	Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan		
12.	Dr. Mariana binti Yusoff	Dekan Pusat Bahasa Pembangunan Insan		
13.	Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff	Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan		
14.	Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman	Profesor		5 Ahli yang diko-opt dilantik oleh Naib Canselor untuk tempoh 3 tahun 22(1)(e)
15.	Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail	Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri)		
16.	Prof. Madya Shahdan bin Md. Lani	Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti & Akreditasi		
17.	Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan	Pengarah Pusat Pengajaran & Pembelajaran		

BIL.	NAMA	JAWATAN	SEKSYEN
18.	Kosong	Kosong	
19.	Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain	Profesor	Profesor yang dilantik 22(1)(d)
20.	Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah	Profesor	
21.	Y.Bhg. Datuk Hasan bin Sirun	Pendaftar	Ex-officio 22(4)
22.	Encik Khairul bin Taib	Bendahari	
23.	Puan Hajah Faridah binti Hj. Md Amin	Ketua Pustakawan	
24.	Encik Azhar bin Mohamed	Penasihat Undang-undang	
25.	Encik Mohd Isa bin Mohd Dom	Pengarah Pusat Komputer	Undangan 22(2)
26.	LAr Abdul Wahab bin Harun	Pengarah Pembangunan	



## 2.6 Jawatankuasa Audit Dalam 2013

- i. Y.Brs Encik Tajol Azhar bin Md Tahir  
Pengerusi (mulai 15.6.2011 – 16.6.2013)
- ii. Y.Brs Encik Omar Shariff bin Mydeen  
Pengerusi (mulai 3.7.2013)
- iii. Y.B. Datuk Wira Ir. Idris bin Haron  
Ahli
- iv. Y.Bhg Profesor Dr. Shamsuddin bin Baharuddin  
Ahli
- v. Y.Bhg Datuk Dr. Hj. Abdul Raman bin Hj. Saad  
Ahli
- vi. Y.Brs Puan Kholiah binti Ismail  
Ahli
- vii. Y.Brs Encik Azrul bin Aziz  
Ahli
- viii. Y.Brs Encik Shahid-Din bin Mohd Khatib  
Ahli
- ix. Y.Brs Dr. Aris bin Kasan  
Ahli




اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LAPORAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang boleh menjalankan segala kuasa yang diberi kepada Universiti melalui Perlembagaan UTeM. Bidang tugas dan tanggungjawab utama LPU ialah dari segi pentadbiran UTeM diperingkat dasar khususnya dalam hal ehwal kewangan dan staf.

LPU juga berperanan sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan UTeM atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

Selain itu Lembaga Pengarah Universiti juga berperanan :

- i. mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- ii. menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
- iii. membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- iv. memupuk hubungan global dan keantarbangsaan berhubung dengan pelajar tinggi dan penyelidikan; dan
- v. memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

Keanggotaan Lembaga Pengarah UTeM adalah berdasarkan kepada Perlembagaan UTeM. Secara umumnya keanggotaan Lembaga Pengarah Universiti terdiri daripada seorang Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, sepuluh orang ahli Lembaga Pengarah dan seorang ahli ganti Lembaga Pengarah Universiti. Keanggotaan Lembaga Pengarah UTeM sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

Pengerusi : Y.Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee bin Laidin

Ahli : Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan

: Y.Bhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh

: \* Y.A.B. Datuk Seri Ir. Dr. Idris bin Hj. Haron

: Y.Bhg. Datuk Dr. Haji Abdul Raman bin Haji Saad

: Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain

: \*\* Y.Brs. Dr. Aris bin Kasan

: \*\*\* Y.Brs. Pn. Kholiah binti Ismail

: Y.Brs. En. Omar Shariff bin Mydeen

: Y.Brs. En. Azrul bin Aziz

Ahli Ganti : Y.Brs. En. Shahid-din bin Mohd Khatib

\* Y.A.B. Datuk Seri Ir. Dr. Hj. Idris bin Hj. Haron (Tamat Lantikan Pada 19 April 2013)

\*\* Y.Bhg. Prof. Dr. Shamsuddin bin Baharin (Tamat Lantikan Pada 31 Ogos 2013)


\*\*\* Y.Brs. En. Tajol Azhar bin Md. Tahir (Tamat Lantikan Pada 14 Jun 2013)



## LAPORAN NAIB CANCELOR



اونیورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA

UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA




## LAPORAN NAIB CANSOLOR

***Assalamualaikum w.b.t,  
Salam Sejahtera & Salam 1 Malaysia***

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya penerbitan Laporan Tahunan UTeM 2013 yang menyaksikan evolusi dan kecemerlangan UTeM setelah lebih sedekad penubuhannya dapat dilaksanakan mengikut perancangan awal. Bagi merealisasikan Visi dan Misi Universiti, memerlukan satu usaha yang besar yang menuntut perubahan yang terancang dan terarah memandangkan tuntutan aspirasi kini yang kian meningkat serta di tambah dengan pelbagai cabaran yang menuntut komitmen jitu daripada seluruh warga Universiti. Bersesuaian dengan hasrat tersebut, maka tema tahun 2013 iaitu Menjulung Kualiti dan Inovasi, Memperkasa Keunikan Terpuji dipilih agar warga lebih fokus dan dapat mencari keunikan dan seterusnya bertindak dalam satu pasukan menggunakan kekuatan ilmu dan inovasi bagi menjulang UTeM ke peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa.

Dalam usaha melonjak kecemerlangan pendidikan teknikal, pada tahun 2013 UTeM terus komited dalam menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pihak majikan dan industri masa kini. UTeM juga semakin menjadi pilihan pelajar dari dalam mahupun luar negara bagi meneruskan pengajian di peringkat tinggi. Ini terbukti pada pengambilan baru September 2013, seramai 2,668 pelajar telah mendaftar di UTeM bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Iaitu peningkatan sebanyak 13.3% berbanding tahun lepas. Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang ditubuhkan pada 2011 telah menerima 738 pelajar baru iaitu bilangan tertinggi dikalangan semua fakulti selaras dengan 10 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan. Ini merupakan antara agenda nasional bagi mengurus perdana dan memartabatkan pendidikan berasaskan kemahiran dan teknikal peringkat pengajian tinggi. Selain itu sejajar dengan perubahan kurikulum program kejuruteraan diperingkat Ijazah Sarjana Muda maka empat program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang baru dengan pendekatan “broadbased engineering education” dibangunkan untuk pengambilan pelajar sesi 2014/2015. Dalam usaha memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran maka Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) telah ditubuhkan bagi mengukuh dan menyokong sarana keilmuan di UTeM. Di antara inovasi yang telah diperkenalkan adalah flip teaching dan pengajaran & pembelajaran menerusi kaedah Massive Open Online Courses (MOOC) yang sejajar dengan visi dan misi dasar e-pembelajaran negara yang berkehendak untuk tranformasi ke arah berdaya saing global menerusi wahana e-Pembelajaran di samping membuka peluang pendidikan yang berkualiti, adil dan saksama menerusi e-Pembelajaran. PSTP telah dipertanggungjawabkan untuk membangun dan menyediakan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Online Learning bagi memastikan kejayaan pelaksanaan MOOC di UTeM.





Pada Majlis Konvokesyen ke-9 yang berlangsung pada 26-27 Oktober 2014, telah menyaksikan pelantikan Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh sebagai Pro Canselor Kedua UTeM dan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris bin Harun. Pada tahun 2013 juga, Alhamdulillah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah berjaya mengeluarkan kumpulan graduan pertama iaitu seramai 167 orang pelajar menerima ijazah dalam program masing-masing.



Pada tahun 2013, UTeM telah memperolehi peruntukan keseluruhan geran penyelidikan sebanyak RM9.96 juta bagi membiayai 256 projek penyelidikan. Daripada jumlah ini RM 2.5 juta adalah merupakan dana dalaman Universiti yang diagihkan kepada 165 projek penyelidikan jangka pendek (PJP). Ini bermakna sebanyak RM7.45 juta adalah dana penyelidikan daripada luar iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Industri dan Antarabangsa untuk 91 projek penyelidikan. Peningkatan pemilikan dana daripada geran antarabangsa sebanyak RM 27,680 berbanding tahun sebelumnya menunjukkan pencapaian positif penyelidikan UTeM. Usaha bersepadu bagi meningkatkan sumber perolehan geran swasta dan antarabangsa masih dilaksanakan agar tidak hanya bergantung kepada geran kerajaan dan universiti. Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) berperanan memperhebat hasil penyelidikan berimpak tinggi yang memenuhi keperluan industri. Pusat Kecemerlangan kompeten dari segi teknikal dan dipacu oleh industri (Technically Competent and Industry Driven @TyCoE) satu strategi unik yang kehebatan UTeM dalam arena penyelidikan bersama industri.

Dalam aspek penerbitan pula menerusi perancangan strategik dan komitmen tinggi, para penyelidik UTeM telah menghasilkan peningkatan antara 30%-40% berbanding tahun 2012 di dalam penerbitan jurnal berindeks ISI dan secara keseluruhan 465 artikel telah diterbitkan dalam jurnal berindeks SCOPUS dan ISI. Selain itu menerusi keunikan dan tahap inovasi tinggi produk UTeM, pada tahun 2013 sejumlah 60 pingat berbanding 49 pingat (2012) telah diperolehi melalui pertandingan produk penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa serta UTeM turut memfailkan sejumlah 61 perlindungan harta intelek (paten, copyright, trademark, utility innovation dan industrial design).

Bagi memakmurkan lagi inisiatif penyelidikan, UTeM menerusi MTUN CoE telah bersetuju untuk memberi sinergi kepada kekuatan satu bidang niche iaitu dinamakan Sustainable Materials and Green Technology. Kekuatan MTUN sedia ada dalam niche ini diyakini dapat menjayakan agenda MTUN CoE dan mencapai objektif penubuhannya. Bidang niche ini merangkumi tiga kluster utama iaitu Kluster Pengurusan Bahan Buangan (Waste Management), Kluster Pembangunan Teknologi (Technology Development) dan Kluster Pembangunan Produk (Product Development). Lanjutan daripada itu, geran penyelidikan CoE MTUN telah diwujudkan bagi membentuk jalinan penyelidikan antara universiti-universiti MTUN. Tempoh geran program penyelidikan di bawah program MTUN CoE ini adalah selama dua tahun. Sejumlah 19 program telah berjaya dan diluluskan untuk menerima geran tersebut. Sehingga kini pencapaian program penyelidikan ialah mengkomersilkan produk (G-Coupon<sup>TM</sup>) dengan mendapatkan pembeli daripada pihak industri bernilai RM 150,000.00. G-Coupon<sup>TM</sup> telah dibangunkan melalui beberapa fasa menerusi dana penyelidikan MTUN CoE di bawah program penyelidikan Green Public Services (GreenPicS).


Selaras dengan usaha membudayakan inovasi di kalangan generasi muda dan seawal peringkat sekolah rendah, UTeM telah mendapat kepercayaan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membangunkan Blue Dot : Pusat Inovasi Kreatif yang merupakan satu platform perkongsian bijak melalui jaringan pendidikan yang melibatkan pihak Universiti dengan sekolah, kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik, industri, komuniti dan masyarakat. Pada 29 Mac 2013, pusat ini telah dirasmikan oleh Mantan Menteri Pengajian Tinggi iaitu Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin di Kampus Industri UTeM. Pendekatan ini memberi kesan bagi menjana idea baru yang bertujuan melahirkan generasi yang inovatif, seterusnya menyokong ekonomi yang berasaskan ilmu. Fokus utama Blue Dot adalah bidang automotif dan pembuatan termaju. Sepanjang tahun 2013 juga, UTeM telah menandatangani sejumlah enam (6) MoU dan dua (2) MoA dengan beberapa syarikat dan industri seperti DreamEdge Sdn. Sdn. Bhd., Dassaults Systemes, Mawea Industries Sdn Bhd, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu, MSTB dan SME Corp Malaysia dalam pelbagai bidang kerjasama.



Dalam aspek kebolehpasaran graduan, menerusi kesungguhan serta komitmen yang dijalankan melalui program yang berkaitan seperti kolaborasi iCoE, Campus Connect Programme, UTeM CEO Roundtable, SME University Internship, Program GREAT, Program GLAD, serta penglibatan industri menerusi MoU serta MoA telah membuka ruang kepada graduan UTeM untuk terpilih dan menjadi perhatian pihak swasta, industri serta badan korporat. Apabila menyentuh kepada aspek ini, ingin dimaklumkan menerusi hasil kajian pengesanan graduan 2013 menunjukkan 83.39% graduan UTeM telah berjaya memperoleh pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduati. Peratusan



ini merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian ke peringkat pasca siswazah dan menjadi usahawan. Berita ini sangat membanggakan UTeM sebagai Universiti yang masih muda dan seperti dimaklumi peratusan yang disasarkan di peringkat nasional adalah 75%. Pada tahun 2013 juga, UTeM Career Connect sebuah pusat penempatan pekerjaan graduan yang baru telah ditubuhkan, ini membuktikan komitmen UTeM dalam memperkasakan aspek kebolehpasaran. Peratusan kebolehpasaran graduan selepas enam bulan bergraduati melalui pusat ini dan hubungan baik dengan pihak industri, graduan UTeM berpeluang mendapatkan pekerjaan yang menepati kelayakan mereka dan memenuhi keperluan industri.






Dalam penyediaan staf yang berfikir strategik dan mampu bekerja secara berpasukan, Program Integrasi Insan terbilang (PINTAR) telah diadakan. Kesinambungannya diwujudkan Program PERINTIS yang menjana inisiatif yang menjurus kepada keunikan dan kekuatan Universiti serta Program UTeM Leadership Development Programme (ULDLP) bertujuan membentuk mutu kepimpinan kepada pelapis yang akan meneruskan agenda strategik UTeM. Pada tahun 2013 juga, seramai 42 orang staf akademik telah dihantar melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan 9 orang diperingkat Sarjana. UTeM turut komited menghantar staf akademik dalam Program Sangkut Industri agar dapat mempertingkatkan kemahiran dalam penguasaan kemahiran teori dan amali sekaligus melahirkan pelajar yang benar-benar dikehendaki oleh pihak industri serta meningkatkan pembangunan juga penyelidikan di UTeM selain mejadi profesional-berilmu (K-Profesional) bagi merealisasikan aspirasi Institusi Pengajian Tinggi Negara.



Dalam meningkatkan kualiti mahasiswa UTeM, sepanjang tahun 2013 hampir 300 aktiviti pelajar merangkumi 8 teras dalam PSPTN telah dilaksanakan. Bagi memberi keunikan pendidikan di UTeM, asas keusahawanan dibekalkan dan ekosistem teknousahawanan yang dinamik turut didedahkan kepada pelajar. Pelajar turut digalakkan menyertai pelbagai program berkonsepkan keusahawanan seperti Pertandingan Perniagaan IPTA 2013, Pertandingan ENACTUS 2013, SME-University Internship, Karnival Kerjaya dan Keusahawanan, Program 3K dan Karnival Jualan IT. Selain itu pada tahun 2013 juga, pelajar UTeM turut melakar nama di pentas nasional dan global dalam Material Lecture Competition 2013, Pertandingan World Skills Competition 2013 di Leipzig, Jerman, Pertandingan Karnival IPT 2013, Pidato Kenegaraan 2013, kejuaraan dalam kategori Paintball Robot, tempat ketiga dalam kategori *Rope Climbing Robot* dan tempat pertama bagi kategori poster semasa menyertai Malaysia International Robot Competition 2013. Manakala di dalam bidang kesukanan, tahun 2013 menyaksikan seorang pelajar UTeM telah terpilih mewakili Malaysia dalam Sukan SEA di Myanmar bagi acara *rowing*.





UTeM amat komited dalam meningkatkan kemudahan sokongan demi membantu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Antara projek-projek *one-off* yang telah dilaksanakan ialah pembinaan kawasan rehat pelajar di Bangunan Fakulti, pembangunan ruangan Pusat Blue Dot, menaiktaraf surau sediaada, pembinaan lif di Dewan Besar dan Bangunan Canselor, menaiktaraf bangunan dan stor Kokurikulum serta pemasangan juga pembekalan Lake Fountain di Tasik B, UTeM. Sementara itu bagi mewujudkan persekitaran kampus digital sejajar dengan Pelan Strategik UTeM 2012-2020, pelbagai kemudahan ICT telah disediakan dan dinaiktaraf di samping mewujudkan paperless environment dalam tadbir urus universiti. Sehingga tahun 2013, sebanyak 80% proses kerja telah berjaya diautomasikan merangkumi aktiviti pengurusan, pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan menerusi aplikasi sistem maklumat yang disediakan (Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Sumber Manusia, Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu, Sistem Maklumat Pasca Siswazah dan Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti). Selain itu dalam menyokong pelaksanaan *e-learning* untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (P&P) kemudahan internet bandwidth turut dinaiktaraf kepada 1 Gbp oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikan UTeM tersenarai bersama antara empat IPTA lain.

Kesimpulan : Prestasi dan pencapaian tahun 2013 merupakan antara usaha pembangunan holistik yang terancang dan berterusan dalam usaha melengkapkan proses satu perjalanan. Pembudayaan kreativiti dan inovasi perlu dipertingkatkan agar dapat menjulang keunikan. Namun aspek kelestarian perlu juga dititikberatkan dalam semua perancangan dan tindakan demi menjamin kecemerlangan yang berpanjangan. Akhir kata ucapan terima kasih kepada seluruh warga UTeM yang telah gigih dan komited berusaha untuk meletakkan UTeM berada di aras yang lebih mantap. Semoga UTeM terus cemerlang menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di seluruh dunia. InsyAllah.

Sekian. Wassalam.

**Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor





**PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)**

**DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)**

اونيورسيتي تېكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)

## Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM

Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2013 kini telah memasuki era pertengahan Fasa 2 (2011-2015) iaitu berada di aras peningkatan dan pemerkasaan PSPTN.

Sebanyak 14 Projek Agenda Kritikal (CAP) telah diwujudkan supaya setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dapat mencapai matlamat yang telah digariskan dan ditetapkan oleh Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

UTeM telah terlibat secara langsung dengan 12 Projek Agenda Kritikal (CAP) iaitu:

- Akademia
- Pembelajaran dan Pengajaran
- e-Pembelajaran
- Penyelidikan dan Pembangunan
- Pengantarabangsaan
- MyBrain15
- Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Pembangunan Holistik Pelajar
- Industri-Akademia
- Keusahawanan
- Kebolehpasaran Siswazah
- Program Pemindahan Ilmu



## Pencapaian UTeM Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP)

### Akademia

Merujuk kepada Jadual 1, CAP Akademia UTeM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan terutamanya pencapaian menerusi KPI “Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa” yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 130 orang ahli akademik.


Kejayaan ini didorong dengan penyertaan terhadap pelbagai pertandingan penyelidikan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang telah melibatkan seramai 107 penyelidik dan penyelidik bersama.

UTeM telah menghantar penyertaan sebanyak 17 produk penyelidikan di *Malaysia Technology Exhibition (MTE) 2013*, 13 projek penyelidikan di *International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2013*, 5 produk penyelidikan dalam *BioMalaysia 2013* dan 18 produk penyelidikan dalam *Persidangan & Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013*.

Menerusi pertandingan di peringkat kebangsaan itu, UTeM juga telah meraih sebanyak 3 Special Award, 11 emas, 19 perak dan 17 gangsa. Selain itu, UTeM turut meraih 1 emas dan 3 gangsa dalam *International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-Envex)* dan *Malaysian International Young Inventors Olympiad (MIYIO) 2013*.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	100	130
2	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	90	108
3	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung / Profesor Pelawat	2	2
4	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk / penasihat di peringkat kebangsaan / antarabangsa	50	47
5	Bilangan jemputan yang diterima oleh ahli akademik untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	5	2

Jadual 1 : KPI CAP Akademia



## Pembelajaran & Pengajaran

Merujuk kepada Jadual 2, KPI “Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 4 amalan pendidikan liberal”, UTeM telah berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2013 iaitu sebanyak 53.50%.

Berikut adalah amalan pendidikan liberal yang di ambil kira untuk pengiraan peratusan tersebut.

- i. Program tahun pertama yang mempunyai seminar (secara *in-house*) atau perjumpaan/mesyuarat kecil secara berkala dengan pelajar dan ahli fakulti.
- ii. Program yang mempunyai penglibatan pelajar yang aktif dalam penyelidikan secara empirikal.
- iii. Projek *Capstone* Tahun Akhir
- iv. Program latihan amali.
- v. Tugas secara kolaboratif
- vi. Pembelajaran secara kepelbagaian dan global.
- vii. Pembelajaran berasaskan perkhidmatan dan komuniti.
- viii. Pendekatan penilaian secara inter-disiplin; dan
- ix. Kursus yang memerlukan jenis proses penulisan yang intensif

Peratusan = (jumlah program akademik bagi pelajar prasiswazah yang melaksanakan sekurang-kurangnya 4 amalan pendidikan liberal / jumlah program akademik bagi pelajar prasiswazah di IPTA) x 100

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 4 amalan pendidikan liberal	50	53.50

Jadual 2 : KPI CAP Pembelajaran & Pengajaran

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## e-Pembelajaran

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) pada 2 Mei 2013 telah ditubuhkan bertujuan sebagai perancang, pelaksana dan penilai program-program e-pembelajaran ke arah peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kalangan staf akademik dan pelajar UTeM.

Jadual 3 menunjukkan UTeM telah berjaya mengendalikan sebanyak 599 kurikulum kursus IPTA dalam Mod *Blended Learning* pada tahun 2013 dan ianya melebihi dari sasaran yang ditetapkan.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan kurikulum kursus IPTA dalam Mod <i>Blended Learning</i>	426	599
2	Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian melalui Malaysia Education Online (MEdO).	0	0
3	Bilangan program akademik di IPTA yang ditawarkan dalam Malaysia Education Online (MEdO).	0	0


Jadual 3 : KPI CAP e-Pembelajaran

## Penyelidikan & Pembangunan

Jadual 4 menunjukkan pencapaian KPI bagi CAP Penyelidikan & Pembangunan yang mempunyai 9 Petunjuk Prestasi Utama (KPI). KPI bagi "Jumlah kumulatif penajaan pendapatan Perkhidmatan (Services)" telah berjaya mencapai sasaran melebihi dari yang telah ditetapkan.

Penajaan pendapatan yang diperolehi adalah daripada aktiviti yang dilaksanakan di UTeM dari tahun 2011 hingga 2013 seperti persidangan, seminar, kursus jangka pendek, sewaan ruang dan peralatan makmal.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	100,000.00	54,682.68
2	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	250,000.00	42,900.00
3	Bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal yang diindeks	140	113.1
4	Bilangan jurnal IPT tempatan yang diindeks	3	0
5	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks.	789	436



6	Jumlah kumulatif harta intelek (IP) yang difailkan	30	91
7	Jumlah kumulatif penjanaaan pendapatan Harta Intelek (IP)	100,000	0
8	Jumlah kumulatif penjanaaan pendapatan hasil daripada produk R&D selain daripada IP dan Perkhidmatan		26,611.80
9	Jumlah kumulatif penjanaaan pendapatan Perkhidmatan (Services) yang berkaitan dengan projek penyelidikan	420,133.00	532,067.58

**Jadual 4 : KPI CAP Penyelidikan & Pembangunan**

## Pengantarabangsaan

UTeM telah melaksanakan beberapa program pengantarabangsaan seperti pertukaran tenaga akademik, pelajar, program pengajian dan kolaborasi antarabangsa sebagai pemangkin untuk memperkayakan interaksi, pengalaman dan pendedahan pelajar di arena global.

Jadual 5 merujuk kepada pencapaian KPI bagi CAP Pengantarabangsaan. KPI “Jumlah ‘outbound’ pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa berkredit” adalah seramai 62 orang pelajar dan ianya merupakan pencapaian yang cemerlang pada tahun 2013.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	68	33
2	Jumlah ‘inbound’ pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa berkredit	10	57
3	Jumlah ‘inbound’ pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa tidak berkredit	88	2
4	Jumlah ‘outbound’ pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa berkredit	4	62
5	Jumlah ‘outbound’ pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa tidak berkredit	38	51
6	Jumlah pelajar antarabangsa	800	359

**Jadual 5 : KPI CAP Pengantarabangsaan**

## MyBrain 15

UTeM telah melaksanakan beberapa strategi dan tindakan bagi melahirkan bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu ekonomi negara yang berdaya saing antaranya, memberikan keutamaan terhadap calon yang telah memiliki PhD bagi pelantikan jawatan Pensyarah, pengambilan staf akademik dari luar negara yang memiliki PhD sebagai pelantikan secara kontrak, pemantauan Laporan Kemajuan Pengajian Staf setiap 6 bulan serta menjalankan lawatan pemantauan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Dekan terhadap staf yang sedang Cuti Belajar.

Berdasarkan KPI “Bilangan pensyarah berkeelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA”, UTeM mempunyai jumlah pensyarah berkeelayakan PhD dan setaraf iaitu seramai 222 orang melebihi dari pencapaian pada tahun 2012 iaitu seramai 137 orang. Jadual 6 menunjukkan pencapaian KPI bagi CAP MyBrain15.


BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan pelajar PhD (sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	8	1
2	Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduasi oleh IPTA	10	1
3	Bilangan pensyarah berkeelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA	150	222
4	Enrolmen Pelajar PhD dan setaraf di IPTA	200	187
5	Enrolmen pelajar sarjana dan setaraf di IPTA	650	602

Jadual 6 : KPI CAP MyBrain15

## Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan saluran pembelajaran sepanjang hidup utama bagi seseorang individu, sehaluan dengan sistem pendidikan negara dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, prauniversiti dan seterusnya pengajian tinggi. Malah PSH merupakan tonggak ketiga dalam pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi selain daripada pendidikan asas dan pendidikan tertiar negara.

Program PSH yang telah dijalankan di UTeM mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai. Merujuk Jadual 7 Bilangan Penyertaan Program PSH (Program PSH tidak Formal) telah mencatatkan jumlah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 360 peserta.





BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan Penyertaan Program PSH (Program PSH Formal)	700	505
2	Bilangan Penyertaan Program PSH (Program PSH tidak Formal)	300	360
3	Bilangan Program PSH di IPTA	10	30

Jadual 7 : KPI CAP PSH

## Pembangunan Holistik Pelajar

Pembinaan modal insan merangkumi satu proses yang lengkap dalam membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan dan telah menjadi agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI), UTeM menyahut seruan ini dengan melaksanakan pelbagai aktiviti kokurikulum berkredit yang melibatkan *University Community Engagement* (UCE). Antara aktiviti pelajar yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Bersama Penghuni Rumah Sri Kenangan Cheng, khidmat sukarelawan sempena Sukan Olahraga UTeM, gotong royong di Kampong Bakar, konservasi pantai di Tanjong Puteri dan membersihkan kawasan Hutan Rekreasi.

Jumlah keseluruhan capaian KPI bagi Pembangunan Holistik Pelajar bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 8 iaitu sebanyak 15.36%.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Peratus pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) terlibat dengan aktiviti <i>University Community Engagement</i> (UCE)	25	15.36

Jadual 8 : KPI CAP Pembangunan Holistik Pelajar

## Industri – Akademia

UTeM melihat dari pelbagai aspek mengenai kepentingan terhadap hubungan dua hala iaitu Industri dan Akademia. Ianya telah memberi faedah bersama terhadap kedua-dua sektor ini dari aspek pengajaran dan penyelidikan, latihan industri, aktiviti perundingan, pembangunan profesional berterusan, pembangunan dan penyelidikan bersama dan juga pembangunan usahawan kecil dan sederhana.

Jadual 9 adalah pencapaian terhadap KPI CAP Industri – Akademia bagi tahun 2013 dengan pencapaian sebanyak 18.57% dan melebihi dari sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 9%.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Jumlah pendapatan dibahagikan dengan belanja mengurus (%)	9	18.57

Jadual 9 : KPI CAP Industri – Akademia


## Keusahawanan

Jadual 10 menunjukkan CAP Keusahawanan UTeM telah mencapai sasaran menerusi KPI “Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) yang mendapat pendedahan melalui program/aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum)” iaitu seramai 708 pelajar melebihi dari sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 550 pelajar.

Antara aktiviti keusahawanan yang telah dilaksanakan adalah menyertai pertandingan MSC Malaysian-IHL Business Plan Competition (MIBC) Master Series, Perodua Eco-Challenge 2013, Enactus Malaysia National Exposition 2013 dan Konvensyen Pembangunan Modal Insan Dalam Gerakan Koperasi Di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Aktiviti yang dijalankan telah memberi pendedahan kepada pelajar ke arah pembudayaan keusahawanan sama ada di peringkat fakulti, universiti dan juga kebangsaan.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian.	7	0
2	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) yang mendapat pendedahan melalui program/aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum).	550	708

Jadual 10 : KPI CAP Keusahawanan



## Kebolehpasaran Siswazah

UTeM sentiasa memberi perhatian dan penekanan terhadap kualiti graduan yang dihasilkan supaya ianya dapat memenuhi keperluan semasa dan juga pasaran industri. Jadual 11 menunjukkan pencapaian bagi KPI CAP Kebolehpasaran Siswazah tahun 2013.

Berdasarkan kepada Kajian Pengesanan Graduan yang telah dilaksanakan semasa Majlis Konvokesyen UTeM pada 26 hingga 27 Oktober 2013 yang lalu, seramai 68 peratus daripada pelajar UTeM telah mendapat pekerjaan semasa konvokesyen berlangsung.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Peratus (%) graduan mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	80	68

Jadual 11 : KPI CAP Kebolehpasaran Siswazah

## Program Pemindahan Pengetahuan

Fokus utama Program Pemindahan Pengetahuan (KTP) adalah untuk memahami permasalahan sasaran komuniti dan industri bagi meningkatkan pemindahan dan perkongsian ilmu melalui pertukaran idea kreatif dan inovatif, penemuan kajian, pengalaman dan kemahiran antara IPT, organisasi penyelidikan, industri dan masyarakat.

Jadual 4.2.12 menunjukkan pencapaian KPI "Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh industri masing-masing" adalah sebanyak 3 projek iaitu *Implementation Of Smart Eye For Visually Impaired Person*, *Energy-Free Keyless Grill Locking System* dan *Thermosonic Cu-Al Micro-Interconnections: Interfacial Void Formation Study based on Stress and Contact Resistance Modeling*.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh industri masing-masing.	1	3
2	Bilangan projek pemangkin/ 'Flagship' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	2	1
3	Bilangan Projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti	5	3

Jadual 12 : KPI CAP KTP




## Pencapaian Keseluruhan


Kesimpulannya, dari 40 KPI yang disasarkan, sebanyak 16 KPI iaitu 40% dari KPI keseluruhan telah mencapai atau melebihi 100% dari sasaran yang ditetapkan. Manakala 11 KPI pula iaitu 27.5% menghampiri sasaran dan 10 KPI iaitu sebanyak 25% berada di bawah paras setengah dari sasaran yang ditetapkan. Jadual 13 adalah jadual pencapaian keseluruhan KPI CAP UTeM bagi tahun 2013.

Pencapaian	Indikator	Bilangan KPI	% Pencapaian
100% >	Melebihi sasaran	16	40
50% - 99%	Menghampiri sasaran	11	27.5
< 50%	Kurang ½ sasaran	10	25
0	Tidak disasarkan	3	7.5

Jadual 13 : Pencapaian KPI CAP UTeM 2013




Rajah 1 : Peratus Pencapaian KPI CAP UTeM 2013






**MELONJAK KECEMERLANGAN  
PENDIDIKAN TEKNIKAL**



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA






# MELONJAK KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TEKNIKAL

## Program Akademik

Pada tahun 2013, UTeM telah menawarkan **85 program pengajian** merangkumi 5 program Diploma, 38 Ijazah Sarjana Muda, 32 Sarjana, 6 Doktor Falsafah dan 4 Doktor Kejuruteraan. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Fakulti	Nama Program
<p><b>Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)</b></p>	<p><b><u>Pasca Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Doktor Kejuruteraan</li> <li>2. Doktor Falsafah</li> <li>3. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)</li> <li>5. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik ( Sistem Elektronik)</li> <li>6. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektronik</li> </ol> <hr/> <p><b><u>Pra Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) Dengan Kepujian</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) Dengan Kepujian</li> <li>5. Diploma Kejuruteraan Elektronik</li> </ol>
<p><b>Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)</b></p>	<p><b><u>Pasca Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Doktor Kejuruteraan</li> <li>2. Doktor Falsafah</li> <li>3. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)</li> <li>5. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan &amp; Robotik)</li> <li>6. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik</li> <li>7. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanik</li> </ol>


Fakulti	Nama Program
	<p><b><u>Pra Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa &amp; Pemacu) Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi &amp; Automasi) Dengan Kepujian</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik Dengan Kepujian</li> <li>5. Diploma Kejuruteraan Elektrik</li> </ol>
<p><b>Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)</b></p>	<p><b><u>Pasca Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Doktor Kejuruteraan</li> <li>2. Doktor Falsafah</li> <li>3. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal</li> <li>4. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan)</li> <li>5. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)</li> <li>6. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Reka Bentuk Produk)</li> <li>7. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga)</li> <li>8. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)</li> <li>9. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Struktur)</li> </ol> <p><b><u>Pra Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk &amp; Inovasi) Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal–Bendalir) Dengan Kepujian</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur &amp; Bahan) Dengan Kepujian</li> <li>5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Loji &amp; Penyenggaraan) Dengan Kepujian</li> <li>6. Diploma Kejuruteraan Mekanikal</li> </ol>



Fakulti	Nama Program
<b>Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)</b>	<b><u>Pasca Siswazah</u></b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Doktor Kejuruteraan</li> <li>2. Doktor Falsafah</li> <li>3. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)</li> <li>5. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)</li> <li>6. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Keperisian)</li> <li>7. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Pembuatan</li> </ol>
	<b><u>Pra Siswazah</u></b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik &amp; Automasi) Dengan Kepujian</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) Dengan Kepujian</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan) Dengan Kepujian</li> <li>5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) Dengan Kepujian</li> <li>6. Diploma Kejuruteraan Pembuatan</li> </ol>
<b>Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)</b>	<b><u>Pasca Siswazah</u></b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Doktor Falsafah</li> <li>2. Ijazah Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian &amp; Kepintaran)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data)</li> <li>5. Ijazah Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan)</li> <li>6. Ijazah Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)</li> <li>7. Ijazah Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi</li> </ol>



Fakulti	Nama Program
	<p><b><u>Pra Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian</li> <li>5. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Pembuatan) Dengan Kepujian</li> <li>6. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) Dengan Kepujian</li> <li>7. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) Dengan Kepujian</li> <li>8. Diploma Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi</li> </ol>
<p><b>Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)</b></p>	<p><b><u>Pasca Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Doktor Falsafah</li> <li>2. Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)</li> <li>4. Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Teknologi</li> <li>5. Ijazah Sarjana Sains dalam Keusahawanan</li> </ol>
	<p><b><u>Pra Siswazah</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)</li> </ol>



Fakulti	Nama Program
<b>Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)</b>	<p><b>Pra Siswazah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian</li> <li>3. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian</li> <li>4. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian</li> <li>5. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri &amp; Robotik) Dengan Kepujian</li> <li>6. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian</li> <li>7. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian</li> <li>8. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian</li> <li>9. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) Dengan Kepujian</li> <li>10. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian</li> </ol>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Pembangunan dan Pengurusan Akademik

UTeM merupakan ahli dalam kumpulan Malaysian Technical University Network (MTUN) bersama beberapa universiti yang lain. Hasil daripada penilaian semula arah tuju MTUN oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), nisbah program teknologi dan kejuruteraan telah diubah daripada nisbah 70% kejuruteraan dan 30% teknologi kepada nisbah 30% kejuruteraan dan 70% teknologi.

Oleh itu transisi perubahan pengambilan pelajar telah dilakukan dengan peningkatan ambilan pelajar bagi program teknologi terutama teknologi kejuruteraan manakala bilangan pelajar bagi program kejuruteraan masih mengekalkan bilangan ambilan yang sama.


Kurikulum program kejuruteraan di peringkat ijazah sarjana muda dipertingkatkan kualitinya sejajar dengan perubahan pada Manual EAC 2012 yang dengan komposisi kurikulum 80% teori dan 20 % praktikal. Empat program ijazah sarjana muda kejuruteraan yang baru dengan pendekatan “*broadbased engineering education*” dibangunkan bagi pengambilan Sesi 2014/2015. Perubahan kepada pembelajaran berorientasikan penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu usaha meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah untuk mendukung aktiviti penyelidikan di UTeM.

## Pemantapan Kualiti Pengajaran & Pembelajaran (P&P)

Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) telah ditubuhkan pada tahun 2013 bagi mengukuh dan menyokong saranan keilmuan di UTeM. Penubuhan PSTP selari dengan matlamat UTeM sebagai perancang, pelaksana dan penilai program-program e-pembelajaran ke arah peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dikalangan staf akademik dan pelajar UTeM.

Antara objektif utama PSTP adalah menyelaras pembangunan infrastruktur dan infostruktur e-pembelajaran; menghasilkan pelbagai e-kandungan bagi mengukuh pembelajaran dan instruksi; meningkatkan kemahiran staf akademik, pelajar dan pihak berkepentingan melalui e-pembelajaran; menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam pedagogi dan teknologi e-pembelajaran; membangunkan budaya berkongsi sumber e-pembelajaran dan e-kandungan; membina komuniti pengamal e-pembelajaran dan penjana kandungan e-tulen; dan membangunkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang membenarkan pelajar mempunyai persekitaran pembelajaran peribadi (Personalised Learning Environment).

Antara inovasi pengajaran yang diperkenalkan adalah “flip teaching” selaras dengan kemajuan teknologi masa kini. Selain daripada platform Sistem Pengurusan Pembelajaran UTeM (Ulearn), PSTP juga bertindak sebagai penggerak penyediaan platform Massive Open Online Course (MOOC) diperingkat Kementerian Pendidikan Malaysia.





## Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Bagi Sesi Akademik 2013/2014, kalendar akademik telah diselaraskan antara program Diploma dan program Ijazah Sarjana Muda. Pelajar program Diploma telah mendaftar pada Jun 2013 akan mengikuti Semester Khas Permulaan dan memulakan semester pertama bersama pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mula mendaftar pada Sept 2013. Ini merupakan inisiatif universiti agar format kalendar akademik diselaraskan bagi memudahkan pengurusan akademik di fakulti khususnya dan universiti amnya. Perubahan ini juga tidak meninggalkan hasrat asal perubahan format kalender akademik bagi penyesuaian kalendar akademik IPTA tempatan dengan kalendar akademik universiti-universiti di luar Negara yang disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2011.

Statistik pendaftaran pelajar baru bagi Semester I, 2013/2014 adalah seperti berikut:

FAKULTI	PROGRAM		JUMLAH
	DIPLOMA	IJAZAH (termasuk pelajar antarabangsa)	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	50	326	375
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	44	289	333
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	55	333	388
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	50	314	364
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	110	479	589
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	-	234	234
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	-	738	738
<b>Jumlah</b>	<b>309</b>	<b>2713</b>	<b>3022</b>

Jadual 14 : Statistik Pendaftaran Pelajar Baharu UTeM Sesi 2013/2014




Enrolmen pelajar yang mengikuti pengajian pada Sesi Akademik 2013/2014 ialah seramai 11,028 orang pelajar. Jadual dibawah menunjukkan enrolmen pelajar berakhir pada 31 Oktober 2013 :

	JUMLAH PELAJAR		JUMLAH
	TEMPATAN	ANTARABANGSA	
<b>*Prasiswazah</b>			
Lelaki	5881	141	6022
Perempuan	4120	4	4124
Jumlah	10001	145	10146
<b>**Pascasiswazah - PhD</b>			
Lelaki	77	44	121
Perempuan	68	1	69
Jumlah	145	45	190
<b>**Pascasiswazah - Kedoktoran Kejuruteraan (Deng)</b>			
Lelaki	33	-	33
Perempuan	3	-	3
Jumlah	36	-	36
<b>**Pascasiswazah - Master</b>			
Lelaki	293	68	361
Perempuan	290	5	295
Jumlah	583	73	656

Jadual 15 : Enrolmen Pelajar UTeM Bagi Sesi Akademik 2013/2014

\* Enrolmen Pelajar Prasiswazah (Diploma dan ISM) setakat 2 Oktober 2013 berdasarkan statistik Sesi 1-2013/2014.

\*\* Jumlah Pelajar Pasca Siswazah setakat 1 Oktober 2013



## Konvokesyen Ke-9

Majlis Konvokesyen ke-9 telah diadakan pada 26-27 Oktober 2013, bertempat di Dewan Besar UTeM. Seramai 2,113 orang graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM. Daripada jumlah tersebut, 2 orang menerima Doktor Falsafah, 215 orang menerima Sarjana, 1,548 orang menerima Sarjana Muda dan 348 orang menerima diploma.

Pada tahun ini Majlis Konvokesyen ke-9 turut menyaksikan pelantikan Y.Bhg Datuk Wira Ismail bin Saleh sebagai Pro-Canselor Kedua UTeM. Selain itu, Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan telah dianugerahkan kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris bin Haron.






Bagi Anugerah Pelajaran Diraja, dua orang graduan yang menerima anugerah tersebut iaitu Norezmi binti Md Jamal dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Thomas Ding dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



Pada tahun 2013 juga, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah berjaya menghasilkan kumpulan graduan pertama seramai 167 orang pelajar yang menerima ijazah bagi program masing-masing.

Sehingga kini jumlah graduan yang telah dihasilkan oleh UTeM adalah seramai 12,731 orang seperti jadual berikut:

FAKULTI	PROGRAM	2013
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	Diploma	65
	Sarjana Muda	315
	Sarjana	10
	Doktor Falsafah	-
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	Diploma	54
	Sarjana Muda	314
	Sarjana	98
	Doktor Falsafah	1
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Diploma	67
	Sarjana Muda	238
	Sarjana	5
	Doktor Falsafah	-



FAKULTI	PROGRAM	2013
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Diploma	89
	Sarjana Muda	245
	Sarjana	50
	Doktor Falsafah	-
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	Diploma	73
	Sarjana Muda	269
	Sarjana	33
	Doktor Falsafah	1
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	Diploma	-
	Sarjana Muda	167
	Sarjana	19
	Doktor Falsafah	-
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Diploma	-
	Sarjana Muda	-
	Sarjana	-
	Doktor Falsafah	-
<b>JUMLAH</b>		<b>2,113</b>

Jadual 16 : Statistik Pelajar Bergraduati

## Penerbitan Akademia


Penerbit Universiti berfungsi sebagai pusat penerbitan berpusat untuk menerbitkan bahan-bahan ilmiah, hasilan grafik dan produk multimedia universiti. Pada tahun 2013, Penerbit Universiti telah melancarkan laman web e-Katalog bagi membolehkan pengguna membeli hasil keluaran Penerbit Universiti secara atas talian.

Bidang fokus Penerbitan Universiti adalah Karya Kejuruteraan yang merangkumi bidang-bidang Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektronik serta Kejuruteraan Komputer; dan Kejuruteraan Elektrik termasuk Karya Teknologi Maklumat dan Komputer, Karya Keusahawanan dan Pengurusan Teknologi, Karya Pembangunan Insan, Karya Seni Kreatif dan Inovatif dan termasuk karya-karya bidang yang menjadi teras tumpuan yang akan diperkenalkan oleh universiti pada masa akan datang.

Berikut adalah senarai bahan penerbitan yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti pada tahun 2013;

### Buku Karya Asli

BIL.	FAKULTI	NAMA PENSYARAH	TAJUK
1.	PPP	Syed Najmuddin Syed Hassan	Kecerdasan Emosi Anak, Ibu Bapa dan Pendidik yang Cemerlang
2.	PBPI	Mohd Taib Dora, Mohamad Zahir Zainuddin, Ruziah Ali (Penerbit UTeM)	Idea Perniagaan Mikro
3.	FTMK	Norasiken Bakar, Faaizah Shahbodin	Adobe Flash CS5 Professional Includes Exercise Files and Training Videos
4.	FTMK	Norasiken Bakar, Faridah Hanim Yahya (UKM)	Buku Program Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia : Matematik
5.	FKP	Puvanasvaran a/l A. Perumal	People Development System for Lean Process Management Implementation
6.	Canselori	Mohd Jailani Mohd Nor	A Transformation Journey 55 Tips On Personal and Career Excellence





## Jurnal

BIL.	FAKULTI	NAMA JURNAL
1.	FKP	Journal of Advanced Manufacturing Technology (JAMT)
2.	PBPI	Journal of Human Capital Development (JHCD)
3.	FKM	Journal of Mechanical Engineering and Technology (JMET)
4.	FKEKK	Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering (JTEC)
5.	MTUN	Journal of Engineering and Technology (JET)
6.	FPTT	Journal of Technology Management and Technopreneurship (JTMT)

## Buku Monograf

BIL.	FAKULTI	NAMA PENSYARAH	TAJUK
1.	PBPI	Mohamad Bokhari, Syed Najmuddin Syed Hassan, Rosli Saadan	Pengaruh Latar Belakang Keluarga (SES) dan Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Kajian Kes Terhadap Pelajar-pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ( <b>Cetakan Ke-2</b> )
2.	FPTT	Ahmad Rozelan Yunus	Personaliti dan Keakuran Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik
3.	FTK	Hambali Boejang, Mohd Farriz Md Basar dan Muhammad Sharil Yahaya	Time Compression Technologies For Engineering Technology

## Buku Karya Suntingan


BIL.	FAKULTI	NAMA PENSYARAH	TAJUK
1.	FTK	Ahmad Sayuthi Mohamad Shokri, Norasiken Bakar (FTMK), Mohd Farriz Md Basar, Muhammed Noor Hashim, Tg Mohd Faisal Tengku Wook.	Examples Group Presentation on Problem Based Learning in Technical Physics
2.	Pusat Islam	<b>Penyunting:</b> Radzuan Nordin, Muhammad Asyraf Sulaiman, Aswanzie Abbyd Zainal Abidin	Nida' Al-Jumu'ah

## Prosiding / Monolog / Lain-lain












BIL.	FAKULTI	NAMA BAHAN / NAMA PENULIS
1.	FTMK	e-Prosiding: Software Engineering Postgraduates Workshop (SEPoW) 2013

## Prosiding / Monolog / Lain-lain

BIL.	FAKULTI	NAMA PENSYARAH	TAJUK
1.	Pendaftar	Pendaftar	PINTAR
2.	PPP	PPP	Inovasi Merekayasa Keunikan
3.	CRIM	CRIM	LESTARI










PENGANTARABANGSAAN



UTeM

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




## PENGANTARABANGSAAN


Teras kelima dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menggariskan beberapa petunjuk kepada semua institusi pengajian tinggi awam untuk meningkatkan dan memantapkan strategi pengantarabangsaan masing-masing. Selaras dengan itu, salah satu objektif yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Universiti adalah “Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa” di mana ia meletakkan dasar terhadap elemen pengantarabangsaan ini menjadi salah satu agenda utama universiti.




Sehingga Disember 2013, jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di UTeM adalah seramai 378 orang dari 23 buah negara berbanding dengan tahun 2012 iaitu hanya 309 dari 22 buah negara.



Rajah 2 : Jumlah Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2012-2013



Rajah 3 : Jumlah Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Negara pada tahun 2012-2013





Bertepatan dengan misi pengantarabangsaan universiti iaitu “Meningkatkan Profil Universiti di Persada Antarabangsa Melalui Jaringan dan Jalinan Hubungan Global dari Aspek Akademik, Penyelidikan, Pembangunan Modal Insan dan Pentadbiran”, maka kolaborasi dan jaringan antarabangsa UTeM dengan universiti dan industri antarabangsa telah dipertingkatkan. Pada 2013, UTeM telah menerima lawatan dari luar negara dan juga telah mengadakan lawatan ke luar negara seperti berikut:

BIL.	TAHUN	LAWATAN DARI LUAR NEGARA	LAWATAN KE LUAR NEGARA
1.	2013	13	68

Penyertaan UTeM di dalam program promosi di luar negara merupakan langkah yang diambil dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di samping memperkenalkan Malaysia sebagai salah satu destinasi pengajian tinggi terbaik dunia. Aktiviti promosi ini dikendalikan oleh Pejabat Antarabangsa dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah serta fakulti dan menyaksikan sebanyak **5 siri promosi di luar negara** telah dijalankan oleh UTeM berbanding pada tahun 2012 yang dijalankan hanya tiga (3) siri sahaja iaitu ke China, Yogyakarta Indonesia dan Riyadh Arab Saudi.


BIL.	FAKULTI / PTj	TARIKH	TEMPAT	TUJUAN
1.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pusat Pengajian Siswazah	29 Mac hingga 1 April 2013	Colombo, Sri Lanka	Pameran “Education Malaysia Exposition”
2.	Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	10 hingga 14 April 2013	Erbil, Iraq	Pameran “Iraq Higher Education Exhibition and Conference”
3.	Pejabat Naib Canselor dan Pejabat Antarabangsa, Canselori	15 hingga 24 April 2013	Riyadh dan Jeddah, Arab Saudi	Program promosi dan pameran pendidikan
4.	Pejabat Antarabangsa, Canselori	1 hingga 9 Julai 2013	Khartoum, Sudan	Program Pendidikan Malaysia 2013 Education Malaysia Exposition”
5.	Canselori dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	23 hingga 29 September 2013	Makassar dan Samarinda, Indonesia	Menyertai pameran pendidikan Rexpo Malaysia 2013

**Jadual 17 : Promosi Antarabangsa UTeM 2013**

Sepanjang tahun 2013, sebanyak tujuh (7) Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara UTeM dan universiti luar negara berbanding dengan tahun 2012 iaitu sebanyak lima (5) Memorandum Persefahaman (MoU) sahaja. Tujuh (7) MoU yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	MoU	DITANDATANGAN	TARIKH	BIDANG KERJASAMA
1.	UTeM & Rosenheim University of Applied Sciences	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Prof. Heinrich Koster President	28 Jan 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan</li> <li>• Double Degree Program</li> <li>• Perkongsian penerbitan, teaching material dan laporan penyelidikan</li> </ul>
2.	UTeM & Tokushima University, Jepun	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Prof. Tokuo Onishi Dekan Fakulti Kejuruteraan	31 Jan 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan</li> <li>• Program Pertukaran Staf</li> <li>• Program Pertukaran Pelajar</li> </ul>
3.	UTeM & Tokushima University, Jepun	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Prof. Junichirou Fukutomi Dekan Graduate School	28 May 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Double Degree Program</li> </ul>
4.	UTeM & University of Versailles Saint-Quentin-en Yvelines, France	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Prof. Jean-Luc Vayssiere President	4 June 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan</li> <li>• Program Pertukaran Staf</li> <li>• Program Pertukaran Pelajar</li> </ul>
5.	UTeM & Dassault Systemes, France	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Phillipe Forestier President	4 June 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama dalam bidang penyelidikan</li> <li>• Program Pertukaran Staf</li> <li>• Program Pertukaran Pelajar</li> </ul>

Jadual 18 : Memorandum Persefahaman (MoU) 2013 Baharu



BIL.	MoU	DITANDATANGAN	TARIKH	BIDANG KERJASAMA
1.	UTeM & Lancaster University, UK	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Prof. Garik Markarian	11 Sept 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertukaran staf dan pelajar bagi program akademik dan penyelidikan</li> <li>• Kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan</li> <li>• Split PhD and Joint Masters program</li> <li>• Industrial Attachment</li> <li>• Kerjasama seminar, bengkel dan sebagainya</li> </ul>
2.	UTeM & Coventry University, United Kingdom	Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan (Naib Canselor) & Prof. Dr. Ashraf Jawaid	9 Nov 2013 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertukaran staf dan pelajar bagi program akademik dan penyelidikan</li> <li>• Kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan</li> <li>• Training Program</li> </ul>

Jadual 19 : Memorandum Persefahaman (MoU) Lanjutan

UTeM juga telah terpilih untuk menganjurkan *Closing Ceremony* bagi *13th Plenary Meeting Asea Uninet 2013* di UTeM pada 21 Februari 2013 serta menjadi ahli kepada *Universities Mobility in the Asia and the Pacific (UMAP)* selain mempunyai hubungan strategik dengan beberapa pertubuhan antarabangsa seperti *German Academic Exchange Services / Deutscher Akademischer Austausch Dienst (DAAD)*, *British Council* dan *EURAS (European Central Asia Universiti Consortium)* dan *The Association of Southeast Asian Institution of Higher Learning (ASAIHL)*.


Seramai 57 pelajar telah terlibat dalam Program Mobiliti Pelajar Berkredit (inbound) khususnya dari Indonesia, Korea Selatan dan Jerman dan seramai 62 pelajar terlibat dalam Program Mobiliti Pelajar Berkredit (outbound) yang ke negara Indonesia, Korea Selatan dan Jerman.

Manakala bagi Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (inbound), UTeM telah menerima 2 pelajar dari Jerman dan seramai 51 pelajar telah mengikuti Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (outbound) ke negara Indonesia, Korea Selatan, Perancis dan Jepun.



SEMESTER / SESI	INBOUND			JUMLAH MENGIKUT SEMESTER
	DARI UNIVERSITI	FAKULTI / BILANGAN	JUMLAH	
Sem 2 Sesi 2012/2013	Kumoh National Institute of Technology (KIT)	FKE (1) FKEKK (1) FKP (2)	4	17
	Institut Teknologi Bandung (ITB)	FKP	5	
	Hannover University of Applied Science	FKE (2) FKP (1)	3	
	Universitas Internasional Batam (UIB)	FKEKK (1) FTMK (4)	5	
Sem 1 Sesi 2013/2014	Kumoh National Institute of Technology (KIT)	FKEKK (4) FKP (1) FKM (2)	7	40
	Hannover University of Applied Science	FKE (1) FKP (2) FKM (1)	4	
	Universitas Internasional Batam (UIB)	FKEKK	1	
	Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS)	FKP	8	
	Universitas Dian Nuswontoro (UDINUS)	FTMK	11	
	Universitas Sebelas Maret (UNS)	FKM	4	
	Institute Business and Informatics (IBI)	FTMK (4) FPTT (1)	5	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>57</b>

**Jadual 20 : Bilangan Pelajar mengikuti Program Mobiliti Pelajar Berkredit (Inbound)**



SEMESTER / SESI	OUTBOUND			JUMLAH MENGIKUT SEMESTER
	KE UNIVERSITI	FAKULTI / BILANGAN	JUMLAH	
Sem 2 Sesi 2012/2013	Kumoh National Institute of Technology (KIT)	FKEKK	4	30
	Institut Teknologi Bandung (ITB)	FKP	6	
	Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS)	FKP	10	
	Universitas Sebelas Maret (UNS)	FKM	10	
Sem 1 Sesi 2013/2014	Kumoh National Institute of Technology (KIT)	FKEKK	5	32
	Institut Teknologi Bandung (ITB)	FKP	5	
	Hannover University of Applied Science	FKP	4	
	Universitas Internasional Batam (UIB))	FTMK	3	
	Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS)	FKP	10	
	Institute Business and Informatics (IBI)	FTMK	5	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>62</b>


Jadual 21 : Bilangan Pelajar mengikuti Program Mobiliti Pelajar Berkredit (Outbound)

SEMESTER / SESI	INBOUND		
	DARI UNIVERSITI	KE FAKULTI	JUMLAH
Sem 2 Sesi 2012/2013	Frankfurt University - Internship Program	Pejabat Antarabangsa / CRIM / PBPI	1
	Universiti Tokushima - Internship Program	FKP	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2</b>

Jadual 22 : Bilangan Pelajar mengikuti Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (Inbound)

SEMESTER / SESI	OUTBOUND		
	DARI UNIVERSITI	DARI FAKULTI	JUMLAH
Sem 2 Sesi 2012/2013 (Ogos - September 2013)	Nama : Program Community And Technological Camp (COMMTECH) 2013 Tempat : Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Indonesia Tarikh : 26 Ogos - 3 September 2013	FKP	10
		FPTT	10
	Nama : Artech Indonesian Summer Course Program Tempat : Universitas Atmajaya Yogyakarta, Indonesia Tarikh : 26 Jun - 13 Julai 2013	FPTT	4
	Nama : KIT International Program 2013 Tempat : Kumoh National Institute of Technology, Korea Tarikh : 26 Ogos - 30 Ogos 2013	FKE	5
		FTMK	5
		FPTT	5
		FTK	4
	Nama : Program Summer School 2013 Tempat : Telecom Bretagne, France Tarikh : 12 - 30 Ogos 2013	FKE	2
		FTMK	2
	Mengikuti Gerak-Kerja Berkumpulan bersama pelajar-pelajar di Tukushima University, Jepun untuk menghasilkan robot. Tarikh: 30 Julai – 31 Ogos 2013 (1 bulan)	FKP	4
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>51</b>

Jadual 23 : Bilangan Pelajar mengikuti Program Mobiliti Pelajar Tanpa Kredit (Outbound)





Pecahan pensyarah antarabangsa mengikut kelayakan akademik dan negara bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

NEGARA	KELAYAKAN AKADEMIK		JUMLAH
	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	
Bangladesh	-	1	1
India	-	2	2
Indonesia	13	14	27
Iran	-	1	1
Nigeria	-	1	1
Syria	1	-	1
Yemen	-	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>	<b>20</b>	<b>34</b>

Jadual 24 : Jumlah Pensyarah Antarabangsa UTeM Tahun 2013




MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN



UTeM

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN

Berpandukan Strategi Lautan Biru, UTeM menetapkan 6 tema dalam Pelan Strategik Universiti 2012-2020. Tema Merintis Teknologi Masa Hadapan di bawah teras Penyelidikan & Inovasi (P&I) menghendaki warga UTeM berusaha melalui kolaborasi berstrategik dalam meneroka dan mendalami berbagai bidang ilmu untuk memberi penyelesaian teknologi masa kini dan mencipta teknologi masa hadapan bagi mencapai kecemerlangan lestari yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Terdapat 8 agenda yang ditekankan dalam tema P&I iaitu penyelidikan multi-disiplin, pembentukan pusat kecemerlangan, kolaborasi industri, pemilikan geran, penerbitan berimpak, produk bernilai komersil, kolaborasi penyelidikan dan kelestarian komuniti.


## Infrastruktur Pengurusan Penyelidikan Mantap

UTeM menyediakan pelbagai kemudahan kepada seluruh warga penyelidik dalam memastikan aktiviti penyelidikan dapat dijalankan tanpa sempadan. Kitaran hayat penyelidikan yang mantap memerlukan organisasi khusus yang mampu menawarkan khidmat kepada aktiviti pengurusan penyelidikan merangkumi elemen sistem penting seperti pengurusan geran, pengurusan penyelidik, pengurusan hasil penyelidikan dan pengurusan pengkomersilan penyelidikan.

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UTeM (CRIM) gigih berusaha dalam memastikan seluruh warga penyelidik UTeM sentiasa dapat menjalankan penyelidikan tanpa sebarang masalah pengurusan proses yang terlibat. Dengan bantuan Pusat Komputer UTeM, CRIM dan warga penyelidik UTeM telah menggunakan URIS (*University Research Information System*) atau Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti bagi semua urusan berkaitan permohonan dan pengurusan geran, menghadiri persidangan, pemantauan hasil penerbitan penyelidikan dan segala keperluan maklumat penyelidikan yang berkaitan. Portal URIS yang dilengkapi dengan sistem keselamatan dapat dicapai melalui [www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my).

## Paparan Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti

Pemohonan geran penyelidikan dalam UTeM, permohonan menghadiri persidangan dan beberapa permohonan penting berkaitan penyelidikan dapat dilakukan secara atas talian melalui portal ini. Selain itu segala maklumat terkini Penyelidikan dan Inovasi CRIM juga dipaparkan melalui halaman web yang dapat dicapai melalui capaian <http://rni.utem.edu.my>.




## Penyelidikan Multi-disiplin


Para penyelidik UTeM yang terdiri daripada ahli akademik dan para pelajar ditempatkan di 5 buah fakulti kejuruteraan, fakulti Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT), fakulti Pengurusan Teknologi dan Pusat Bahasa & Pembangunan Insan. Penyelidikan pelbagai bidang yang dilaksanakan di UTeM adalah bersifat multi-disiplin merentasi fakulti serta gandingan sains sosial dalam ilmu kejuruteraan. Kajian telah membuktikan bahawa penyelidikan multi-disiplin mampu mengeluarkan hasil penyelidikan yang lebih berimpak apabila dinilai dari sudut kualiti penerbitan dan mampu pasar produk.

Jesteru, kerjasama merentasi fakulti dalam pelbagai disiplin ilmu menjadi asas kepada kecemerlangan penyelidikan UTeM. Polisi Penyelidikan (Pindaan 1, 2014) yang akan diterbitkan amat memberi penekanan keatas kepentingan melaksana penyelidikan multi-disiplin dan berfokus. Universiti menasaskan hasil kolaborasi bijak peringkat dalaman UTeM mampu menjana idea yang lebih baik, berkesan serta bernilai komersil memberikan penyelesaian kepada masalah industri dan komuniti.

Integrasi dan kolaborasi dalaman UTeM dalam bidang sains sosial, bidang kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi terus diperkasakan. Gandingan disiplin ilmu yang pelbagai ini telah memberikan tambahan impak kepada mod penyelidikan di UTeM dalam usaha mencari keunikan untuk menerajui kecemerlangan dalam empat (4) bidang fokus yang dinamakan sebagai Teknologi Hijau, Teknologi Mendatang, Kejuruteraan Sistem dan Interaksi Manusia-Teknologi. Bidang fokus ini menjadi asas kepada sasaran tujahan UTeM dalam bidang Teknologi Pembuatan Termaju atau Advanced Manufacturing Technology (AMT).



Rajah 4 : Bidang Fokus UTeM Saling Berhubungkait Menyokong AMT





## Pembentukan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan

Pelan strategik UTeM 2012-2020 telah meletakkan sasaran untuk membentuk pusat kecemerlangan penyelidikan (CoE) berpacuan industri dan teknologi atau dalam Bahasa Inggerisnya Technology-Industry Centre of Excellence (TyCoE). UTeM telah menjadikan TyCoE sebagai cap dagang dan hak cipta Universiti yang merujuk kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi berpandukan Teknologi serta keperluan industri. Sasaran kecemerlangan penyelidikan UTeM diletakkan pada tahap TyCoE bagi membawa UTeM menjadi lebih fokus dan berkesan terhadap keperluan industri dan komuniti.

Logo TyCoE™ UTeM



Di antara inisiatif yang diambil untuk menerajui kecemerlangan penyelidikan adalah pembedayaan dan pemerksaan penyelidikan melalui kumpulan penyelidik. Kumpulan Penyelidik dibentuk oleh ahli yang bersifat multi-fakulti dengan keanggotaannya berasaskan kepakaran nic dalam sub-bidang fokus. Tiga (3) entiti kecemerlangan adalah Kumpulan Penyelidik, CoE dan TyCoE. Setiap entiti menggunakan Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan untuk mengetahui indikator kecemerlangan. Instrumen ini juga digunakan untuk penarafan Kumpulan Penyelidik kepada CoE dan TyCoE.



Rajah 5 : Gambaran Entiti Kecemerlangan Penyelidikan UTeM

## Kumpulan Penyelidik


Pada tahun 2013 sebanyak 38 kumpulan penyelidik telah didaftarkan secara rasmi yang bertujuan memperkasa budaya penyelidikan multidisiplin dan nic berfokus dalam melaksana penyelidikan merintis teknologi futuristik. Budaya bekerja dalam mod in-Silo tidak sesuai diamalkan di sebuah universiti teknikal yang mengutamakan kolaborasi berstrategik dengan industri.

Sasaran universiti keatas setiap penyelidik dan kumpulan penyelidik adalah mengeluarkan hasil penyelidikan yang berkualiti dan berimpak yang boleh dimenafaatkan oleh industri dan komuniti. Hasil penyelidikan tersebut termasuklah pelajar bergraduan, penerbitan dan pengkomersilan.

Pemfailan harta intelek ke atas prototaip dan produk penyelidikan yang bernilai komersil amat diberi perhatian bagi membolehkan penjanaan sumber pendapatan universiti yang mantap.


BIL.	NAMA KUMPULAN	BIL.	NAMA KUMPULAN
1	Sustainable and Responsive Manufacturing	20	Sustainable Material for Green Technology
2	Carbon Research Technology	21	Green Technology Vehicles
3	Innovation & Innovative Manufacturing	22	Advanced Vehicles Technology
4	Human – Machine Interaction System	23	Advanced Materials
5	Precision Machining Group	24	Sustainable Maintenance Engineering
6	Integrated Design	25	High Performance Structure
7	Green Tribology and Engine Performance (G-TriboE)	26	Efficient Energy & Thermal Management System
8	Combinatory Engineering Optimization	27	Control System for Machine Tool
9	Micro & Nano Eletronics	28	Innovative Machine and Mechanism
10	Innovative Software System & Services	29	Broadband & Networking
11	Biomedical Computing and Engineering Technologies	30	Computational Intelligence and Technologies Lab
12	Information Security Forensics and Computer Networking	31	Advanced Sensors and Embedded Control System
13	Creative Media Lab	32	Machine Learning and Signal Processing
14	Optimization, Modeling, Analysis, Simulation and Schedulling	33	Communications, Multimedia, Networks and Systems
15	Microwave Research Group	34	Sustainable IT-Economics
16	Energy and Power System	35	Sustainable Management Initiatives
17	Power Electronics and Drives Group	36	Growing and Contingency Management
18	Rehabilitation Engineering & Assistive Technology	37	Sustainable Industrial Community Development
19	Robotics and Industrial Automation	38	Advanced Technology Grp

Jadual 25 : Senarai 38 Kumpulan Penyelidik 2013



## Pusat Kecemerlangan Penyelidikan

Universiti turut menubuhkan 6 pusat kecemerlangan penyelidikan (CoE) semenjak dari awal tahun 2010 yang kini dalam kategori CoE Berpotensi. Setiap CoE Berpotensi ini mempunyai kumpulan penyelidik berdaftar dan berfokus. Pengurus CoE telah dilantik untuk merancang, memantau aktiviti dan mentadbir urus kecemerlangan Kumpulan di bawah CoE secara berkesan.



Rajah 6 : Lapan Pembentukan Enam CoE berpotensi UTeM


## Proses Penarafan

Penarafan entiti penyelidikan universiti dilakukan sebagai langkah strategik menilai keupayaan bagi melonjakkan prestasi kumpulan dalam usaha menerajui niche tertentu ke peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Penarafan entiti penyelidikan perlu melalui sistem penilaian dan pengauditan menggunakan Instrumen Penilaian Kecemerlangan Penyelidikan yang telah UTeM bangunkan.

Penilaian kumpulan penyelidik dan CoE meliputi penilaian keatas hasil penyelidikan, dokumen pembuktian dan fizikal (site audit). Indikator kecemerlangan penyelidikan mengguna pakai kaedah yang setaraf dengan penilaian Pusat Kecemerlangan peringkat kebangsaan yang dibangunkan oleh KPM.

## Pemilikan Geran

Dalam menuju era ekonomi berinovasi, penyelidikan perlu mempunyai ciri berimpak dan mampu memberi penyelesaian mutlak kepada sesuatu permasalahan. UTeM berusaha mendapatkan dana penyelidikan swasta dan antarabangsa dalam melaksanakan penyelidikan berimpak dan berprofil tinggi. Cabaran di peringkat dalaman universiti dan pertarungan hebat berlaku di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang memerlukan kematangan, kebijaksanaan, kreatif, inovatif, kolaborasi serta tidak putus asa.




Rajah 7 : Sumber Dana Penyelidikan UTeM Tahun 2013

UTeM memperoleh dana menerusi empat sumber utama, iaitu geran universiti, geran kerajaan, geran swasta dan geran antarabangsa. Jumlah peruntukan dana penyelidikan keseluruhan tahun 2013 adalah sebanyak RM9.96 juta bagi pembiayaan ke atas 256 projek seperti dalam rajah di bawah. Sumber dana daripada pihak kerajaan adalah sebanyak RM7.38 juta untuk membiayai 91 projek, diikuti dengan geran swasta dan geran antarabangsa masing-masing sebanyak RM42,900.00 (2 projek) dan RM30,682.00 (1 projek). UTeM telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta untuk diagihkan kepada 165 projek.

Peningkatan pemilikan dana daripada geran antarabangsa sebanyak RM27,680.00 berbanding tahun sebelumnya menunjukkan pencapaian positif penyelidik UTeM bagi meningkatkan sumber perolehan geran swasta dan antarabangsa masih dilaksanakan untuk tidak terlalu bergantung kepada geran kerajaan dan universiti.

## Perolehan Sumber Dana Agensi Kerajaan

Pada 2013, perolehan tertinggi sumber dana adalah daripada Geran Kerajaan melalui KPM iaitu sebanyak RM7.38 juta melibatkan 91 projek penyelidikan di bawah pelbagai skim geran penyelidikan seperti FRGS (RM3.03 juta), ERGS (RM2 juta), RAGS (RM1.4 juta), Knowledge Transfer Programme (RM2.98 juta), Geran Khas Higher Education Leadership Academy AKEPT (RM640,000.00) Geran Universiti (RM2.51 juta), Geran Swasta (RM42,000.00) dan Geran Antarabangsa (RM30,000.00).






	GERAN	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PERATUS (%)
Geran Kerajaan	FRGS	5	RM 3,039,853	30.50
	ERGS	22	RM 2,007,000	20.10
	RAGS	23	RM 1,400,000	14.04
	Knowledge Transfer Programme (KTP)	2	RM 298,247	3.00
	Geran Khas AKEPT	4	RM 640,000	6.41
Geran Universiti		165	RM 2,511,145	25.19
Geran Swasta		2	RM 42,900	4.42
Geran Antarabangsa		1	RM 30,683	0.31
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>256</b>	<b>9,969,823</b>	<b>100</b>

Jadual 26 : Pecahan Perolehan Geran Penyelidikan Tahun 2013

Pencapaian pemilikan 256 projek penyelidikan yang diperolehi meliputi keseluruhan 8 fakulti dan pusat di UTeM. Pemilikan tertinggi bilangan projek penyelidikan mengikut pecahan fakulti adalah daripada FKEKK (50 projek), diikuti dengan FKE (49 projek), FKM (43 projek), FTMK (40 projek), FKP (37 projek), FPTT (14 projek), FTK (12 projek) dan PBPI (11 projek). Rajah 3 menunjukkan bilangan projek mengikut pecahan fakulti dan pusat di UTeM.



Rajah 8 : Taburan Pemilikan Geran Penyelidikan Mengikut Fakulti / Pusat Tahun 2013


## Penerbitan

Hasil perancangan berstrategik dan komitmen daripada penyelidik UTeM telah menyaksikan peningkatan penerbitan di dalam jurnal berindeks ISI iaitu antara 30-40% berbanding tahun yang sebelumnya. Jumlah taburan penerbitan bagi tahun 2013 dipaparkan di bawah di mana sebanyak 465 artikel telah diterbitkan dalam jurnal berindeks SCOPUS dan ISI.

FAKULTI	PENERBITAN ISI / SCOPUS
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	108
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	71
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	91
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	107
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	11
Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan	5
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	40
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan	3

**Jadual 27 : Statistik Penerbitan Journal Indeks SCOPUS /ISI /ePRINT hingga 31 Dis 2013**

Bagi memastikan budaya penghasilan penulisan ilmiah disemarakkan, UTeM telah memperkenalkan skim insentif penerbitan kepada penyelidik staf akademik UTeM dengan hampir RM65,00.00 telah diagihkan kepada penyelidik yang layak. Selain itu anugerah penerbitan jurnal universiti turut diperkenalkan bagi memberi penghargaan kepada penyelidik yang berjaya menghasilkan penulisan artikel berkualiti dengan kuantiti yang maksima.



## Produk Berpotensi Tinggi


Produk penyelidikan yang berimpak dan berpotensi untuk dikomersilkan semakin mendapat perhatian pihak industri dalam dan luar negara. Lanjutan itu, beberapa pendekatan telah diambil untuk mencapai sasaran pengkomersilan produk R&D, di antaranya kolaborasi universiti-industri. Beberapa siri pertemuan bersama industri (industry pitching & business matching) telah diadakan oleh universiti, kementerian serta agensi yang menawarkan khidmat geran pra-pengkomersilan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kewangan (MoF), Cradle, CREST dan lain-lain lagi.

## Penubuhan Bahagian Harta Intelek, Pengkomersilan dan Perundingan (HIPP)

Penubuhan Bahagian Harta Intelek, Pengkomersilan dan Perundingan (HIPP) telah membantu CRIM dalam merencanakan budaya pengkomersilan melalui hasil penyelidikan serta dijangka merangsangkan pertumbuhan dan pengembangan kualiti penyelidikan dan inovasi (P&I) di UTeM dapat berfungsi secara lebih teratur, berfokus dan dinamik.

## Perlindungan Harta Intelek


Pemfailan Harta Intelek dan pengkomersilannya merupakan salah satu penyumbang utama usaha penjana kekayaan negara. Secara keseluruhan pada tahun 2013, UTeM telah memfailkan sebanyak 61 perlindungan harta intelek (paten, copyright, trademark, utility innovation dan industrial design). Proses saringan produk untuk pemfailan harta intelek telah dilaksanakan secara berstrategik dan berkala bagi memilih produk yang bernilai komersil tinggi. Data di bawah menunjukkan peningkatan jelas dalam jumlah pemfailan harta intelek berbanding tahun sebelumnya.



Rajah 9 : Data pemfailan harta intelek produk R&D tahun 2011 – 2013

## Pencapaian Pingat Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi


Pengiktirafan hasil produk penyelidikan dan inovasi terus dimantapkan. UTeM telah menyertai berbagai pertandingan produk penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah berjaya memenangi 60 pingat sepanjang 2013 melalui penyertaan dalam Malaysian Technology Expo (MTE), Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA), BioMalaysia & Bioeconomy Asia Pacific 2013 Conference and Exhibition (BIOMALAYSIA) dan Seoul International Invention Fair (SIIF).



Rajah 10 : Data Taburan Pencapaian pingat pertandingan produk R&D tahun 2013




International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEK) 2013







**Malaysian Technology Expo (MTE) 2013**



**Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA)**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**Seoul International Invention Fair (SIIF) 2013**



**BioMalaysia & Bioeconomy Asia Pacific 2013 Conference and Exhibition (BIOMALAYSIA)**




## Pameran Penyelidikan dan Inovasi UTeM (UTeMEX 2013)

Tahun 2013 merupakan penganjuran kali ke-2 menganjurkan Pameran Penyelidikan dan Inovasi UTeM (UTeMEX) pada Disember 2013. Buat julung kalinya UTeM membuka ruang kepada penyelidik luar bersaing dengan penyelidik UTeM di mana sebanyak 24% penyertaan dari 194 adalah di kalangan penyelidik luar UTeM. Bertemakan Menerokai Teknologi Futuristik, sebanyak 22 buah institusi pendidikan merangkumi IPTA/IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti dan sekolah seluruh negara telah menyertai pertandingan ini.



Antara objektif UTeMEX kali ini adalah bagi menghimpun kepakaran yang memperlihatkan kepelbagaian hasil cipta dan rekabentuk produk R&D dengan corak aplikasi termaju dan terkini.







## Kolaborasi Penyelidikan Berstrategi

Untuk melahirkan penyelidik “industry based thinker” UTeM menggalakkan permohonan geran kerjasama industri seperti Knowledge Transfer Program (KTP) dan Collaboration Research in Engineering, Science & Technology Center (CREST). Melalui kerjasama ini, beberapa penyelidik telah berjaya menerima geran untuk kontrak selama beberapa tahun dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM792,247.00**.

BIL.	TAJUK PROJEK	INDUSTRI	JUMLAH GERAN (RM)
<b>Knowledge Transfer Program (KTP)</b>			
1.	Implementation of Smart Eye for Visually Impaired Person	Malaysia Association of Blind	RM192,569.00
2.	Energy-Free Keyless Grill Locking System	DAG Technologies (M) Sdn. Bhd.	RM105,678.00
<b>Collaboration Research in Engineering, Science &amp; Technology Center (CREST)</b>			
1.	Thermosonic Cu-Al Micro-Interconnections : Interfacial Void Formation Study based on Stress and Contact Resistance Modeling	Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.	RM362,000.00
2.	Investigation Of Cu Interconnect Bulk Resistivity Deterioration As A Function Of Annealing Time	Siterra Malaysia Sdn. Bhd.	RM132,000.00

**Jadual 28 : Data Geran Penglibatan Industri tahun 2013**

MEMACU POTENSI INDUSTRI DAN MASYARAKAT



UTeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





## MEMACU POTENSI INDUSTRI DAN MASYARAKAT

### Mesyuarat 2<sup>nd</sup> Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)

Mesyuarat 2nd Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) telah diadakan pada 21 Oktober 2013 bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal. APUCEN dianggotai oleh IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia merupakan satu rangkaian serantau institusi pengajian tinggi yang mempromosikan budaya kerjasama komuniti-universiti. Melalui rangkaian tersebut turut menyebarkan maklumat, perkongsian pengetahuan dan sumber bagi menggalakkan penyertaan universiti bersama komuniti seterusnya memacu perkembangan dan kesejahteraan bersama.





## Blue Dot : Pusat Inovasi Kreatif

“Blue Dot : Pusat Inovasi Kreatif” merupakan satu hab inovasi, perkongsian bijak melalui jaringan pendidikan melibatkan pihak industri dengan universiti, sekolah, kolej komuniti, politeknik serta komuniti dan masyarakat yang memfokuskan kepada inovasi dan kreativiti dan diterajui oleh UTeM selaku pemangkin yang menyediakan pelantar yang kondusif. Majlis Perasmian Blue Dot : Pusat Inovasi Kreatif telah diadakan pada 29 Mac 2013 bertempat di Kampus Industri, UTeM dan dirasmikan oleh Y.B Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi.



## Siri Ceramah Daripada Industri

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Forum Keusahawanan Bersama Alumni Sempena "Lecture Series on Entrepreneurship	6 Mac 2013	Auditorium Canselori
2.	Forum Keusahawanan Bersama Tokoh Usahawan Berjaya, Y.Bhg. Datuk Ir. Hj. Khairol Anuar Tawi, Managing Director, KAT Technologies Sdn. Bhd	27 Mac 2013	Auditorium Pusat Pengajian Siswazah
3.	Ceramah Kerjaya oleh Texas Instruments Electronics (M) Sdn. Bhd	24 April 2013	Auditorium Pusat Pengajian Siswazah.
4.	Taklimat Permohonan Skim Geran "Knowledge Transfer Programme (KTP)" – Pelan Rolling Keempat 2014	22 November 2013	Auditorium Pusat Pengajian Siawazah


## Pelaksanaan Sangkut Industri Oleh Staf Akademik UTeM (Staff Attachment)

Program Sangkut Industri bertujuan untuk mempertingkatkan hubungan di antara akademik dan industri selain memberi kemahiran kepada staf akademik dalam menguasai kemahiran teori dan latihan amali dengan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang benar-benar dikehendaki oleh industri.


Pengalaman dan pengetahuan staf ketika menjalani program sangkut industri akan digunakan bagi meningkatkan pembangunan dan penyelidikan di UTeM serta turut membantu di dalam pembangunan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-Profesional) bagi merealisasikan aspirasi institut pengajian tinggi negara.

Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM) UTeM bertanggungjawab membantu untuk mengenalpasti dan mendapatkan tempat latihan di industri, manakala segala proses pelaksanaan operasi dilaksanakan oleh Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar.

Pada tahun 2013, seramai 10 orang staf akademik UTeM yang telah mengikuti Program Sangkut Industri di mana 8 daripadanya bertujuan bagi mendapatkan sijil profesional kejuruteraan (Ir).



Rajah 11 : Jumlah Staf Yang Mengikuti Sangkut Industri Pada Tahun 2012-2013





## Memorandum Perjanjian (MoA) / Persefahaman (MoU)


Sepanjang tahun 2013, UTeM telah menandatangani sebanyak enam (6) MoU dan dua (2) MoA dengan beberapa syarikat dan industri.

BIL.	NAMA SYARIKAT / AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH PERJANJIAN	BIDANG KERJASAMA
1.	DreamEdge Sdn. Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	4 Jun 2013	Kerjasama dalam menganjurkan pertandingan inovasi di peringkat nasional, penawaran kursus, seminar dan bengkel yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran teknikal staf dan pelajar.
2.	Dassaults Systemes	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	4 Jun 2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ceramah industri</li> <li>ii. Lawatan penanda aras ke Jerman dan Perancis</li> <li>iii. Perbincangan penganjuran pertandingan inovasi.</li> </ul>
3.	Mawea Industries Sdn Bhd	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	4 Jun 2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penganjuran national and international innovation competition</li> <li>ii. Menyokong aktiviti UTeM Blue-Dot</li> <li>iii. Penganjuran seminar, bengkel dan ceramah industri</li> <li>iv. Menyediakan pakar untuk kursus di FTK serta tempat latihan staf serta pelajar.</li> </ul>
4.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	27 Mei 2013	<p>Penyelidikan dan pembangunan lanjutan produk inovasi dari DBKL melalui geran penyelidikan.</p> <p>Kerjasama dalam menyediakan latihan / praktikal oleh fakulti di UTeM dan DBKL bagi peningkatan pengetahuan pelajar UTeM dan staf DBKL.</p> <p>Menyediakan kursus yang bersifat multi disiplin bersesuaian kepada DBKL.</p>
5.	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	15 April 2013	BioCore
6.	Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	November 2013	Pembangunan sistem


Jadual 29 : Memorandum Persefahaman (MoU)

BIL.	NAMA SYARIKAT / AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH PERJANJIAN	BIDANG KERJASAMA
1.	MSTB	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	9 Mei 2013	Pengujian perisian
2.	SME Corp Malaysia	Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat	28 Jun 2013	Bekerjasama dalam memberi latihan dan pendedahan keusahawanan kepada pelajar UTeM dengan syarikat perniagaan tempatan di Malaysia serta menggalakkan pembangunan lestari PKS tempatan.

Jadual 30 : Memorandum Perjanjian (MoA)



Rajah 12 : Jumlah MoU & MoA di antara UTeM & Industri yang ditandatangani pada tahun 2012 dan 2013






## Menyelaras Program Kebolehpasaran Graduan

### Program Graduate Employability Enhancement and Added Value Training (GREAT) :

Program Graduate Employability Enhancement and Added-Value Training (GREAT) dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpkerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di UTeM. Program yang berbentuk kepada Program Degree++ (Pensijilan Profesional) melalui dana Kementerian Pengajian Tinggi mendapat peruntukkan sebanyak RM1,843,800.00 pada tahun 2013 berbanding RM2,701,764.00 pada tahun 2012.

NAMA PROGRAM	PENGANJUR	SYARIKAT PERUNDINGAN	BIL. PESERTA	HASIL / IMPAK
<i>Certified Fiber Specialist for Home (CFOS-H)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Significant Technologies Sdn Bhd	120 orang	Susulan daripada program CFOT yang bertujuan memberikan pelajar yang telah mempunyai asas pengetahuan teknologi fiber ilmu yang lebih mendalam dalam teknologi komunikasi jalur lebar berkelajuan tinggi atau high speed broadband (HSBB).
<i>Program Certified Fiber Optic Technologist (CFOT)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Significant Technologies Sdn Bhd	120 orang	Mendapat nilai tambah yang diperlukan oleh pihak industri di mana kemahiran teknikal dan piawaian yang telah digariskan di dalam program CFOT ini telah lama diguna pakai di seluruh dunia dan diiktiraf oleh industri khususnya industri telekomunikasi fiber optik
<i>Certified IPC-A-610 Specialist (CIS)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Ilham Qalifa Sdn Bhd	400 orang	Memberikan input baru kepada para pelajar atas pendedahan dan pemahaman kepada piawaian yang telah digariskan dan diikuti oleh syarikat-syarikat pembuatan elektronik multinasional.
<i>W3Schools' Certification Program: The PHP Developer Certificate</i>	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	AMTIS Solution Sdn Bhd	150 orang	Memberikan pendedahan serta pengetahuan kepada peserta mengenai kaedah dan teknik berkesan sebagai pemudah cara dalam menguasai bahasa pengaturcaraan PHP
<i>W3Schools' Certification Program : The JQUERY Developer Certificate</i>	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	AMTIS Solution Sdn Bhd	100 orang	Memberikan pendedahan serta pengetahuan kepada peserta mengenai kaedah dan teknik berkesan sebagai pemudah cara dalam menguasai pengaturcaraan jQuery yang merupakan salah satu bahasa pengaturcaraan yang menjadi permintaan pasaran serta menambah pengetahuan dalam pembangunan dalam menghasilkan produk yang berasaskan web yang lebih interaktif dan memenuhi kehendak semasa.






NAMA PROGRAM	PENGANJUR	SYARIKAT PERUNDINGAN	BIL. PESERTA	HASIL / IMPAK
<i>Program Certified IP Engineer (CIPE)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Orbitage	200 orang	Para pelajar secara automatik akan mendapat nilai tambah yang diperlukan oleh pihak industri dan ianya amat berguna semasa permohonan pekerjaan di dalam industri telekomunikasi dan rangkaian- Sijil CIPE
<i>Program Certified IP Associate (CIPA)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Orbitage	200 orang	Para pelajar secara automatik akan mendapat nilai tambah yang diperlukan oleh pihak industri dan ianya amat berguna semasa permohonan pekerjaan di dalam industri telekomunikasi dan rangkaian- Sijil CIPA

### Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD)

Program *Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD)* untuk pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Tahun Akhir, Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan telah dilaksanakan sebanyak 4 siri melibatkan seramai 600 orang pelajar di bawah peruntukan Tabung GREAT (*Graduate Employability Enhancement and Added-Value Training*) berjumlah RM1,296,000.00.




Rajah 13 : Pecahan penyertaan pelajar : Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD)


## Melaksanakan Penempatan Pelajar Ijazah Dan Diploma Untuk Latihan Industri

Latihan Industri (LI) merupakan salah satu syarat pengijazahan, dan wajib diikuti oleh semua pelajar sama ada peringkat Sarjana Muda mahupun Diploma semasa tempoh pengajian di UTeM. Pada 2013, beberapa aktiviti telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

1. Menyelaras dan memantau penempatan pelajar seramai 2,215 orang pelajar (dengan pecahan : 437 orang pelajar Diploma dan 1,778 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda) bagi program Latihan Industri (LI)
2. Menyelaras pangkalan Data Industri sehingga kini telah mencapai jumlah 3515 bilangan syarikat;
3. Mencetak Buku Garis Panduan LI UTeM 2013, Edisi 2 untuk edaran kepada semua Jawatankuasa LI Fakulti;
4. Memantau serta mengikut proses penyeliaan oleh pensyarah Fakulti untuk pelaksanaan LI pada tahun 2013;
5. Membantu menyelesaikan urusan tuntutan pampasan pelajar kepada syarikat insurans yang dilantik
6. Penerbitan dan penghantaran Buku Prosedur serta Buku Log Latihan Industri kepada pihak Fakulti;



Rajah 14 : Pecahan pelajar yang telah mengikuti LI berdasarkan Fakulti



## Jalinan Industri

### “UTeM Job Camp 2013”

“UTeM Job Camp 2013” telah dianjurkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM ke-9. Program selama lima (5) hari bermula pada 21 hingga 25 Oktober 2013, bertempat di Pusat Persatuan Pelajar telah disertai oleh beberapa syarikat yang turut mengadakan pameran kerjaya, temu duga terbuka dan ceramah kerjaya seperti berikut:

- i) Yew Lee Industrial Brush Sdn. Bhd.
- ii) Agilent Technologies Microwave Products (M) Sdn. Bhd.
- iii) AUO Sunpower Sdn. Bhd.
- iv) Texas Instruments Electronics (M) Sdn. Bhd.
- v) Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.
- vi) Brilliance Information Sdn. Bhd.
- vii) Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.
- viii) Samsung Electronics Display (M) Sdn. Bhd.
- ix) ST Microelectronics

Program ini bertujuan mempromosikan pencapaian cemerlang UTeM kepada para graduan dan syarikat/industri di Malaysi dengan kaedah menemukan ‘job provider’ (majikan) dan ‘job seeker’ (para graduan) secara langsung dan berinteraksi bagi membantu dalam penjodohan kerja.




## “Sector Focused Career Fair” melalui kerjasama dengan Talent Corp

PJIM dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad (Talent Corp) turut menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM. “Sector Focused Career Fair” bukan sahaja bertujuan menghubungkan graduan dengan syarikat multinasional malah merupakan platform terbaik bagi bakal graduan untuk mengenal pasti peluang kerja yang bersesuaian serta mengikut kehendak industri masa kini.

Antara program anjuran Talent Corp yang telah disertai oleh UTeM telah menyertai beberapa program anjuran Talent Corp yang telah diadakan di beberapa lokasi seperti berikut :

- i) Universiti Malaysia Pahang , 9 & 10 Oktober 2013
- ii) Taylor’s University, 30 Oktober 2013
- iii) Universiti Teknologi Malaysia, 4 Disember 2013





## SME–University Internship Programme 2013

SME-University Internship Programme ini merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkatkan sinergi di antara kumpulan industri dengan universiti untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Melalui program ini yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2013, sebanyak 5 kumpulan telah berjaya ditubuhkan dan setiap kumpulan dianggotai oleh 5 orang pelajar. Antara syarikat yang terlibat bagi menjayakan program ini adalah:

- i) D'Sweet (Perusahaan Dodol & Acar Buah)
- ii) SHR Hannan Enterprise (Perusahaan Air Kelapa Pandan)
- iii) Serantau Desa Food (Perusahaan Sata)
- iv) Sri Jinjing Enterprise (Perusahaan Kerisik)
- v) Muhammadiyah Food Industries (Perusahaan Murtabak Mini)

Pada tahun 2013 juga, pihak SME Corp Malaysia telah memberikan insentif dalam bentuk wang tunai kepada kumpulan pelajar yang menjuarai program berkenaan sebagai penyuntik semangat para peserta. Juara iaitu Kumpulan D' Sweet telah diberi peluang untuk menyertai "SME-University Internship 2013 Championship" pada 9 Oktober 2013 bertempat di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Menerusi program ini, pelajar dengan bantuan pensyarah akan memberi khidmat nasihat perniagaan kepada pemilik IKS seperti nasihat berkenaan strategi pemasaran, pengurusan kewangan dan akaun, pengurusan sumber manusia dan penggunaan teknologi untuk menjalankan perniagaan.






**Pembentangan Akhir SME-University Internship 2013**  
 28 September 2013, Auditorium Canselori



**SME-University Internship 2013 Championship**  
 09 Oktober 2013, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur



## Industry-Center of Excellence (I-CoE)

Diperkenalkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah program utama bagi menangani isu kebolehpasaran graduan yang menyokong kelancaran Program Transformasi Ekonomi (ETP), I-CoE dipacu industri tonggak (Anchor Company) dan disokong universiti selaku “lead university” cukup signifikan dalam menemukan sektor industri dan universiti ke arah usaha memastikan pembangunan modal insan berinovatif.

### I-CoE (Kluster Elektrik & Elektronik)

#### Satu Fakulti Satu Industri

PJIM telah mengadakan aktiviti ICOE di bawah kluster elektrik dan elektronik dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berimpak tinggi serta memberi kesan secara terus kepada pelajar khususnya dan UTeM umumnya. Setakat ini, PJIM telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa industri atau syarikat E & E bagi tujuan tersebut. Sebagai permulaan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah dipilih untuk menjayakan aktiviti ‘Satu Fakulti Satu Industri’ dengan menjadikan Silterra (M) Sdn Bhd sebagai ‘Industri Angkat’ (melalui MoU sedia ada) mengikut kesesuaian bidang program kejuruteraan yang ditawarkan.

#### Lawatan Industri ke Silterra Malaysia Sdn. Bhd. dan Hoya Electronics Malaysia Sdn Bhd

Lawatan yang diadakan pada 6 Jun 2013 bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan aplikasi di industri khususnya pembuatan semikonduktor dan teknologi nano. Pelajar turut didedahkan dengan peluang kerjaya di Silterra Malaysia Sdn. Bhd. dan Hoya Electronics Malaysia Sdn Bhd di samping penempatan latihan industri.

#### Program SIP (Structured Internship Program) bersama Infineon Technologies Sdn Bhd

PJIM juga telah menganjurkan Program SIP (Structured Internship Program) bersama Infineon Technologies Sdn Bhd pada cuti semester bulan Julai dan Ogos sesi 2012/2013 bagi tujuan pendedahan industri kepada pelajar-pelajar kohort pertama dan kedua, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

#### Program Train The Trainers (TTT) bersama Agilent Technologies dan Multimedia Development Corporation (MDeC)

Kursus tersebut melibatkan dua modul iaitu EMI & EMC (25 hingga 30 November 2013 dan RF Circuit Design Teaching Solutions (16 hingga 20 Disember 2013) bertempat di K-Workers Development Centre (KDC), Cyberjaya.



## Apprenticeship Program Oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Menyediakan platform bagi para siswa/i (Perantis) bermula dari tahun 1 sehingga tahun 4 (akhir) untuk mendapatkan pendedahan industri yang sebenar di industri-industri yang berkaitan.


Menyediakan dan menjalankan modul-modul soft skill dan seminar teknikal industri sebagai persediaan siswa/siswi sebelum menjalani latihan industri yang sebenar.

Antara aktiviti yang telah dijalankan:

### Program Perantis Di Industri Automotif Bersama Malaysian Automotive Institute (MAI)

- Para perantis telah menjalani sesi latihan soft skills development bersama anjuran pihak MAI sebanyak 5 kali pertemuan iatu pada hari Sabtu. Jumlah perantis adalah seramai 41 orang.
- Para perantis akan menjalani 6 modul (softs kill dan modul-modul industri) pada setiap semester di sepanjang pengajian mereka di UTeM. Para perantis akan mengikuti latihan industri selama 2 bulan pada setiap cuti panjang pengajian mereka pada setiap tahun.
- Industri-industri yang terlibat dipilih oleh pihak MAI dan FTK dan syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

SYARIKAT	BILANGAN PERANTIS
Honda (M) Sdn. Bhd.	14 orang
PHN Industry Sdn. Bhd.	1 orang
Sri Kota Rubber Sdn. Bhd.	1 orang
Infineon Malaysia	19 orang
Armstrong Sdn. Bhd.	3 orang
Wajapart Sdn. Bhd.	1 orang
Ingress Precision Sdn. Bhd.	2 orang





## Program Perantis Bersama Azbil-Yamatake

- Azbil-Yamatake merupakan syarikat di bawah Azbil Corporation Japan yang berstatus bumiputera.
- Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2008 dan telah berkhidmat dengan pelanggan di Malaysia terutamanya dalam bidang minyak dan gas, pendidikan, petrokimia dan marin.
- Azbil-Yamatake telah berminat untuk menerima sebanyak 5 orang perantis dari UTeM selama 2 bulan.
- Bagi penempatan perantis, mereka telah menginap bersama rakan kenalan dan sedara yang berdekatan.
- Elaun yang diberikan oleh pihak Azbil-Yamatake adalah sebanyak RM 500/bulan
- Pejabat syarikat ni adalah berlokasi di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur, namun para perantis perlu pergi ke lokasi pelanggan Azbil-Yamatake sekiranya diperlukan bagi menimba pengalaman yang berharga.

## Program Perantis Bersama Silterra

- Pihak JK Perantis telah dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan proses pemilihan pelajar untuk menghadiri program persiapan pelajar ke dunia industri sebelum tamat pengajian

## Program Campus Connect KPT-WD

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan untuk mengadakan program kerjasama dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WD) yang dinamakan Program Campus Connect Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) - Western Digital (WD).

Program kerjasama dengan syarikat WD ini menekankan kerjasama bersama Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti tempatan (IPT) dalam industri Pemacu Cakera Keras (HDD) dan Media Substrates.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di sepanjang tahun 2013 ialah :

### Mengadakan dan menjalankan beberapa program berkaitan kebolehpasaran graduan (graduate employability) :

- a) Majlis Pelancaran Graduate Induction Programme (GrIP) & Industrial Development Programme (INDEP) oleh Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi pada 8 Mac 2013.



Aktiviti pembangunan dan kebolehpasaran bakal graduan Universiti yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda berkaitan Teknologi Hard Disk Drive (HDD) telah persetujuan oleh KPT untuk dilaksanakan bagi keseluruhan jumlah 100 orang pelajar.


- Kohort-1 (pengambilan Jan 13): Seramai 42 orang pelajar telah terpilih
  - Kohort-2 (pengambilan Jan 14): Seramai 16 orang pelajar telah terpilih
- c) Industrial Development Programme (INDEP)
- Aktiviti pembangunan dan kebolehpasaran bakal graduan Politeknik berkaitan Teknologi Hard Disk Drive (HDD) telah persetujuan oleh KPT untuk dilaksanakan bagi 200 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma.
  - Kohort-1 (pengambilan Mei 2013): Seramai 38 orang pelajar telah terpilih
  - Kohort-2 (pengambilan Nov 2013): Seramai 41 orang pelajar telah terpilih

### Mempromosikan Program Pasca Graduan:

- Mendapatkan 15 tempat untuk staf jurutera WDM bagi Program PESISIR Ijazah Sarjana oleh FKP dengan kerjasama PJIM dan PPS

### Siri Latihan Teknikal

- a) GRIP
- Program HDD Basic Training Siri 1 kepada 36 orang pelajar GRIP Kohort-1 dari tarikh 21 Januari 2013 hingga 26 Januari 2013
  - Program HDD Advanced Training Siri 1 kepada 42 orang pelajar GRIP Kohort-1 dari tarikh 19 Ogos 2013 hingga 23 Ogos 2013
  - Program HDD Basic Training Siri 2 kepada 16 orang pelajar GRIP Kohort-2 dari tarikh 20 Januari 2014 hingga 24 Januari 2014.
- b) INDEP
- Program HDD Basic Training Siri 1 kepada 38 orang pelajar INDEP Kohort-1 dari tarikh 7 Mei 2013 sehingga 11 Mei 2013
  - *Industry Development Program Training Course* Siri 1 kepada 38 orang pelajar INDEP Kohort-1 dari tarikh 13 Mei 2013 sehingga 17 Mei 2013
  - *Industry Development Program Training Course* Siri 2 kepada 41 orang pelajar INDEP Kohort-2 dari tarikh 18 November 2013 sehingga 23 November 2013
  - Program HDD Basic Training Siri 2 kepada 41 orang pelajar INDEP Kohort-2 dari tarikh 25 November 2013 sehingga 29 November 2013



## Lawatan Ke Western Digital Thailand

- a) Telah diadakan dari tarikh 7 sehingga 9 Oktober 2013.
- b) Delegasi terdiri dari 5 wakil IPTA dan 2 wakil WDM.
- c) Antara tempat yang dilawati ialah:
  - WD Thailand
  - Chulalongkorn University
  - King Mongkut's University of Technology North Bangkok
  - Worlddidac Asia 2013



Lawatan Ke Western Digital Thailand

## Penubuhan UTeM Career Connect (U2C): Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan UTeM

Mesyuarat Majlis Eksekutif yang bersidang pada 27 Jun 2013 telah meluluskan penubuhan UTeM Career Connect (U2C). Fungsi unit ini bagi meningkatkan lagi usaha universiti dalam membantu pelajar mendapatkan pendedahan awal sebelum menempuh dunia pekerjaan. Dengan adanya U2C diharapkan kebolehan-dapatan pekerjaan graduan (Graduate Employability) akan meningkat. Selain itu, U2C juga berperanan sebagai antara muka (interface) atau perantara dengan Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Industri dan Komuniti, seperti Talent Corp, Might Meteor, SL1M dan Job Malaysia bagi membolehkan mahasiswa mendapatkan pekerjaan sesuai dengan bidang dan kelayakan akademik yang diperolehi.

Selaras dengan kehendak Universiti dalam menjadikan UTeM sebagai sebuah universiti yang mesra pelajar dan komuniti, maka Unit juga merupakan sebahagian UCTC (University-Community Transform Center) dengan erti kata lain sebagai pusat rujukan bagi pelajar dan komuniti. Bagi tujuan tersebut, U2C turut menggunakan sistem sebaran maklumat kepada pelajar yang dikenali sebagai U-Learn bagi menguar-uarkan iklan kekosongan jawatan serta sentiasa bekerjasama rapat dengan Unit Kerjaya & Alumni (CAUteM) di Pejabat HEPA.


Di antara program yang telah dijalankan di bawah UTeM U2C ialah:

- i) Program "UTeM Job Camp 2013" yang telah diadakan pada 21 hingga 25 Oktober 2013 di Kampus Induk UTeM
- ii) Program "Sector Focused Career Fair" melalui kerjasama dengan Talent Corp

PEMBANGUNAN FIZIKAL & PENGURUSAN PRASARANA



اونیورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# PEMBANGUNAN FIZIKAL & PENGURUSAN PRASARANA

## Pembangunan Kampus Induk


### Peruntukan Pembangunan (Development Expenditure, DE)

#### Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh; 3rd Rolling Plan (RMKe-10;3rdRP)

Secara umumnya, RMKe-10;3rdRP melibatkan pembangunan bagi tahun 2013/2014. Dalam tempoh ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diperaku dan diluluskan satu (1) komponen projek sahaja iaitu Perolehan Peralatan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan kos siling berjumlah RM30,000,000.00. Kelulusan peruntukan ini secara tidak langsung membantu perkembangan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) bagi merealisasikan program “Malaysian Technical University Network (MTUN)” untuk melahirkan Teknologis di samping mengurusperdana Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

#### Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh; 4th Rolling Plan (RMKe-10;4thRP)


UTeM telah diperakukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) sebanyak lima (5) komponen projek dengan jumlah kos projek berjumlah RM210,000,000.00 berdasarkan surat pemakluman Kementerian Pendidikan Malaysia, no. rujukan KPT.P.(S)200-4/2/15 Jld. 8(13) bertarikh 22 November 2013. Namun demikian, kelulusan program dan projek ini adalah tertaklukt kepada pembentangan Bajet 2014. Pecahan projek yang telah diperakukan adalah seperti berikut:



Rajah 15 : Pecahan Kos Projek RMK10;4th RP

## Prestasi Perbelanjaan

Prestasi kewangan (DE) UTeM mengambilkira peruntukan yang disalurkan bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh iaitu bermula tahun 2010 hingga tahun 2013. Prestasi kewangan (DE) sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:



Rajah 16 : Prestasi Kewangan (DE) sehingga 31 Disember 2013

## Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private-Finance Initiative, FPI)

### Kompleks Latihan dan Pembuatan


Kompleks Latihan Dan Pembuatan yang telah siap dibina pada 5 Jun 2009 dan telah menempatkan pentadbiran dan makmal-makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Diantara makmal-makmal yang disediakan meliputi Makmal Polimer, Makmal Bahan, Makmal Komputer, Makmal Industri Robot, Makmal Persediaan Sampel, Makmal CIM/FMS dan Bilik Tutorial.

## Peruntukan Perbelanjaan Operasi (Operational Expenditure, OE)

Peruntukan Perbelanjaan Operasi (Operational Expenditure-OE) yang menggunakan peruntukan dalaman adalah sebagai salah satu usaha universiti untuk meningkatkan lagi kemudahan dan prasarana sokongan di Kampus Universiti.

### Projek – Projek One-Off

Universiti amat komited di dalam kerja-kerja yang mampu meningkatkan kemudahan sokongan bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar seterusnya mampu mencapai misi dan visi Universiti. Berikut adalah antara projek-projek yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013.





**GEDUNG ILMU DAN INSTITUSI REPOSITORI**



**UteM**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





## GEDUNG ILMU DAN INSTITUSI REPOSITORI

Bagi memastikan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna, Perpustakaan UTeM telah menggunakan Integrated Library Management Utility (ILMU) sebagai sistem pengkomputeran melalui WebOPAC bagi memudahkan pengguna mengakses maklumat bahan / koleksi Perpustakaan dengan mudah, cepat dan efisien. Sistem ini bukan hanya boleh diakses di sekitar kampus sahaja malah di mana-mana sahaja melalui laman web <http://library.utm.edu.my>

### Pengurusan Sumber Maklumat

#### Bahagian Perolehan Bahan Rujukan

Perpustakaan UTeM berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam program pendidikan secara berterusan kepada seluruh warga universiti. Antara aktiviti yang memberikan impak besar kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah dengan menyediakan bahan rujukan yang terkini dan sesuai dengan bidang teras universiti. Koleksi rujukan terdiri daripada bahan bercetak terbitan dalam dan luar negara serta langganan pangkalan data atas talian.

#### Unit Buku

Setiap bahan rujukan yang dipesan kepada pembekal buku merupakan bahan yang telah dicadangkan oleh staf akademik kepada Perpustakaan. Merujuk kepada Jadual 33, pada awal tahun 2013 Unit Buku telah diberikan peruntukan semasa sebanyak RM700,000.00 bagi dibelanjakan. Pada 25 Oktober 2013, Perpustakaan telah diberikan peruntukan khas untuk Fakulti Kejuruteraan Teknologi (FTK) sebanyak RM300,000.00. Jumlah keseluruhan peruntukan (RM) yang diterima oleh Perpustakaan pada tahun 2013 sebanyak RM1,000,000.00.

PERKARA	(RM)
Peruntukkan Tahun Semasa 2013	RM 700,000.00
Peruntukkan Khas FTK	RM 300,000.00
<b>Jumlah Peruntukkan Buku</b>	<b>RM 1,000,000.00</b>

Jadual 31 : Peruntukkan Buku 2013

Unit Buku telah membelanjakan sejumlah RM655,278.38 atau 66% daripada keseluruhan peruntukan peruntukan yang diterima pada tahun 2013 dengan perolehan sebanyak 2,582 judul/2,677 naskah.

Peruntukan khas FTK yang diterima pada bulan Oktober 2013 telah menyumbang kepada kelewatan penerimaan bahan. Merujuk kepada Jadual 33, penurunan jumlah pesanan sebanyak 19% berbanding tahun 2012 (5,053 naskah) dan penurunan penerimaan sebanyak 39% (2,677 naskah) berbanding tahun 2012.

	2012		2013	
	Pesanan	Penerimaan	Pesanan	Penerimaan
<b>Judul</b>	4,979	4,272	4,098	2,582
<b>Naskah</b>	5,053	4,418	4,098	2,677
<b>RM</b>	1,520,910.88	1,299,877.51	1,129,005.12	655,278.38

**Jadual 32 : Perbandingan Pesanan dan Penerimaan Mengikut Tahun**

Merujuk kepada Jadual 34, Unit Buku hanya mencapai 59% (2,677 naskah) penerimaan bahan daripada sasaran 4,500 naskah. Antara faktor yang dikenal pasti adalah kekurangan peruntukan yang diterima dan penerimaan peruntukan yang lewat iaitu bulan Oktober 2013.

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1.	Bilangan buku belian yang menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti.	4,500 naskah	2,677 naskah

**Jadual 33 : KPI Unit Buku**


#### Unit Jurnal

##### Jurnal / Majalah Bercetak (Langganan)

Unit Jurnal berperanan untuk memperolehi dan memproses bahan terbitan berkala secara bercetak dan atas talian samada secara belian atau hadiah. Sehingga 31 Disember 2013, terdapat 326 judul jurnal/majalah bercetak yang dilanggan oleh Perpustakaan UTeM seperti di Jadual 10.1.1 (iv). Ini termasuk terbitan dalam dan luar negara. Pengurangan sebanyak 2.4% (8 judul) berbanding tahun 2012 disebabkan pembatalan, berhenti terbit, terbitan bergabung, dan terbitan secara atas talian sahaja.

PERKARA	BILANGAN JUDUL	HARGA (RM)
i. Jurnal/ Majalah Bercetak Terbitan Luar Negara	276	1,714,576.25
ii. Jurnal/ Majalah Bercetak Terbitan Dalam Negara	50	7,671.82
<b>JUMLAH</b>	<b>326</b>	<b>1,722,248.07</b>

**Jadual 34 : Jurnal/Majalah Bercetak Terbitan Dalam dan Luar Negara**



### Jurnal/Majalah Bercetak (Sumbangan)

Pada tahun 2013, Perpustakaan UTeM menerima sumbangan jurnal/majalah bercetak sebanyak 119 judul/ 193 naskah yang disumbangkan dari pihak dalam dan luar UTeM.

### Jurnal/Majalah Berjilid

Bagi bahan jurnal/majalah berjilid terdapat peningkatan sebanyak 8.6% (183 judul/300 naskah) berbanding tahun 2012.


### Pangkalan Data Atas Talian

Portal Perpustakaan mempunyai sejumlah 31 judul pangkalan data yang diperolehi secara belian dan percuma. Tiada pertambahan angka daripada tahun sebelumnya, hanya terdapat pertukaran judul bagi pangkalan data secara percuma. Walaupun tiada pertambahan dari segi langganan tahunan, terdapat 4 pembelian "one time purchase" iaitu tiga backfile dan satu ebook. Setiap pangkalan data ini menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan Universiti.

Unit Jurnal juga telah memperuntukan sejumlah RM3,587,808.28 bagi pembaharuan dan pembelian jurnal/ majalah bercetak dan pangkalan data bagi tahun 2013 yang merupakan kenaikan sebanyak 5.16% (RM175,966.40) berbanding tahun 2012.

## Bahan Sumbangan

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah penerimaan bahan sumbangan mengikut judul mencatatkan peningkatan sebanyak 12% (-135 judul) berbanding pada tahun 2012. Jumlah penerimaan bahan sumbangan mengikut naskah mencatatkan peningkatan sebanyak 77% (+648 naskah) berbanding tahun 2012. Bahan tersebut diterima daripada organisasi termasuk IPTA/S, Jabatan Kerajaan dan Swasta seperti gambarajah di bawah.



Rajah 17 : Statistik Perbandingan Penerimaan Bahan Sumbangan Mengikut Bulan Bag Tahun 2012 dan 2013

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1.	Bilangan penerimaan bahan monograf & CD hadiah	700 naskah	757 naskah

Jadual 35 : Penerimaan Bahan Sumbangan Mengikut Judul

### Badan Bukan Kerajaan (NGO) Penyumbang Bahan


Bahan-bahan sumbangan yang diterima oleh Perpustakaan UTeM adalah hasil sumbangan daripada beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti di bawah:

1. Asia Foundation = 268 Naskah
2. Soka Gakkai Malaysia = 86 Naskah
3. Badan Cemerlang Sdn Bhd = 28 Naskah

### Koleksi UTeM

Koleksi UTeM adalah merupakan hasil penulisan, penganjuran dan penyertaan warga UTeM. Sasaran penerimaan bahan Koleksi UTeM pada tahun 2013 adalah sebanyak 3,000 naskah dan pencapaian bagi tahun 2013 adalah 2,893 naskah.


Sehingga 31 Disember 2013, perbandingan penerimaan bahan Koleksi UTeM mengikut judul mencatatkan peningkatan penerimaan sebanyak 0.4% (+11 judul) berbanding tahun 2012. Penerimaan bahan mengikut naskah mencatatkan penurunan penerimaan sebanyak 12% (-412 naskah) berbanding tahun 2012. Penurunan kadar penerimaan bahan pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh Perpustakaan UTeM hanya menerima artikel berdasarkan tahun semasa berbanding tahun 2012 yang melibatkan penerimaan artikel daripada tahun 2010 hingga 2012 daripada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) seperti berikut:



Rajah 18 : Statistik Perbandingan Penerimaan Bahan Koleksi UTeM Mengikut Bulan Bagi Tahun 2012 dan 2013

BIL.	KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN 2013
1.	Bilangan penerimaan bahan Koleksi UTeM	3000 naskah	2,893 naskah

Jadual 36 : Penerimaan Bahan Koleksi Mengikut Bulan






## Mengindeks dan Memproses Bahan

### Penerimaan Bahan Buku Pembelian Tahun Semasa

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 2,901 naskah buku pembelian telah diterima daripada Bahagian Perolehan berbanding 4,276 naskah diterima pada tahun 2012. Bahan- bahan ini meliputi buku belian asal, Cataloging in Publication (CIP) dan naskah tambahan (NT). Jadual 37 menunjukkan penurunan jumlah penerimaan buku pembelian sebanyak 1,375 naskah iaitu 32.2% pada tahun 2013.

BAHAN	TAHUN		Pertambahan / Pengurangan
	2012	2013	
Buku (Asal)	973n	870n	(-) 103n
Buku (CIP)	2,567n	1,961n	(-) 606n
Buku (NT)	736n	70n	(-) 666n
<b>Jumlah</b>	<b>4,276n</b>	<b>2901n</b>	<b>(-) 1,375n</b> <b>32.2%</b>

Jadual 37 : Statistik Penerimaan Buku Pembelian Tahun 2012 dan 2013



Rajah 19 : Statistik penerimaan buku pembelian Tahun 2012 dan 2013

## Pengindeksan Buku Pembelian Tahun Semasa

Pada tahun 2013, sejumlah 2,806 naskah buku pembelian telah dikatalog merangkumi 863 naskah buku asal, 1,873 naskah buku CIP dan 70 naskah buku NT.

BAHAN	TAHUN
	2013
Buku (Asal)	863n
Buku (CIP)	1873n
Buku (NT)	70n
<b>Jumlah</b>	<b>2806n</b>

Jadual 38 : Statistik Pengeluaran Buku Pembelian

## Pencapaian Keseluruhan

### Pengindeksan Buku Pembelian

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 868 judul (980 naskah) buku asal berjaya dikatalog. Buku CIP pula mencatat sebanyak 1881 judul (1,926 naskah) yang telah dikatalog. Bagi naskah tambahan pula, sejumlah 26 judul (92 naskah) telah dikatalog.

BAHAN	TAHUN
	2013
Buku (Asal)	868j/ 980n
Buku (CIP)	1,881j/ 1,926n
Buku (NT)	26j/ 92n
<b>Jumlah</b>	<b>2,775j/ 2,998n</b>


Jadual 39 : Pengindeksan Buku Pembelian

### Pengindeksan Bahan Terbitan Berkala

Dalam tahun 2013, sebanyak 10 judul (20 naskah) jurnal hadiah dan 239 judul (351 naskah) jurnal berjilid berjaya dikatalog.

BAHAN	TAHUN
	2013
Jurnal Baru	0j/ 0n
Jurnal Hadiah	10j/ 20n
Jurnal Berjilid	239j/ 351n
<b>Jumlah</b>	<b>249j/ 371n</b>

Jadual 40 : Pengindeksan Bahan Terbitan Berkala



### Pengindeksan Bahan Hadiah Dan Sumbangan

Bagi bahan hadiah dan sumbangan, sebanyak 636 judul (1,284 naskah) buku terbitan luar berjaya dikatalog manakala sebanyak 54 judul (139 naskah) laporan tahunan luar dan 5 judul (5 naskah) kertas seminar luar telah berjaya diproses pada tahun 2013.

BAHAN	TAHUN
	2013
Buku terbitan luar	636j/ 1284n
Laporan Tahunan	54j/ 139n
Kertas seminar	5j/ 5n
<b>Jumlah</b>	<b>695j/ 1,428n</b>

Jadual 41 : Pengindeksan Bahan Hadiah Dan Sumbangan

### Pengindeksan Bahan Koleksi Khas

Bagi bahan koleksi khas, sejumlah 1,283 judul (1,283 naskah) Projek Sarjana Muda telah diproses pada tahun 2013. Bagi Tesis pula, jumlah yang telah dikatalog untuk tahun 2013 ialah 343 judul (344 naskah) dan bagi Penyelidikan Jangka Pendek sebanyak 49 judul (49 naskah) telah dikatalog.

Bagi koleksi Buku terbitan UTeM pula sebanyak 42 judul (82 naskah) telah diproses, sejumlah 1 judul (3 naskah) laporan tahunan UTeM telah dikatalog dan makalah berjumlah 69 judul (70 naskah) juga telah berjaya diproses dalam tahun 2013. Selain itu, sejumlah 11 judul (11 naskah) kertas peperiksaan telah dikatalog pada tahun 2013, manakala sebanyak 14 judul (18 naskah) kertas seminar UTeM telah diproses pada tahun 2013.

BAHAN	TAHUN
	2013
Projek Sarjana Muda	1,283j/ 1,283n
Tesis	343j/ 344n
Penyelidikan Jangka Pendek	49j/ 49n
Buku Terbitan UTeM	42j/ 82n
Laporan tahunan UTeM	1j/ 3n
Makalah	69j/ 70n
Kertas peperiksaan	11j/ 11n
Kertas seminar UTeM	14j/ 18n
Terbitan berkala UTeM	-
<b>Jumlah</b>	<b>1,812j/ 1,860n</b>


Jadual 42 : Pengindeksan Bahan Koleksi Khas

### Pengindeksan Bahan Media

Bahan media yang telah dikatalog sepanjang tahun 2013, adalah sebanyak 1098 judul (1,223 naskah) melibatkan 165 judul (241 naskah) bahan media asal, 42 judul (90 naskah) bahan media sumbangan dan 891 judul (892 naskah) bahan media koleksi khas.

BAHAN	TAHUN
	2013
Bahan Media Asal	165j/ 241n
Bahan Media Sumbangan	42j/ 90n
Bahan Media Koleksi khas	891j/ 892n
<b>Jumlah</b>	<b>1,098j/ 1,223n</b>

Jadual 43 : Pengindeksan Bahan Media





## Penerimaan Dan Pengeluaran Bahan Mengikut Kategori

Sehingga penghujung Disember 2013, jumlah bahan yang diterima dan diproses oleh Bahagian Pengindeksan adalah seperti berikut:

BAHAN	TAHUN 2013		BAKI
	Penerimaan	Pengeluaran	
<b>BUKU PEMBELIAN</b>			
Buku (Asal)	814j/ 870n	807j/ 863n	7j/ 7n
Buku (CIP)	1,926j/ 1,961n	1,838j/ 1873n	88j/ 88n
Buku Naskah Tambahan (NT)	53j/ 70n	53j/ 70n	-
<b>BAHAN TERBITAN BERKALA</b>			
Jurnal Baru	0j/ 0n	0j/ 0n	-
Jurnal Hadiah	115j/ 138n	109j/ 127n	6j/ 11n
Jurnal Jilid	239j/ 352n	239j/ 352n	-
<b>BAHAN HADIAH</b>			
Buku Terbitan Luar	557j/ 899n	557j/ 899n	-
<b>KOLEKSI KHAS</b>			
Projek Sarjana Muda	1,288j/ 1,288n	1,049j/ 1,049n	239 j/ 239 n
Tesis	130j/ 130n	130j/ 130n	-
PJP	46j/ 46n	46j/ 46n	-
Buku Terbitan UTeM	47j/ 74n	47j/ 74n	-
Kertas Peperiksaan	26j/ 26n	26j/ 26n	-
Makalah UTeM	89j/ 89n	89j/ 89n	-
MoU	2j/ 2n	2j/ 2n	-
Kertas seminar/ kursus	19j/19n	19j/ 19n	-
<b>BAHAN MEDIA</b>			
Media Asal	54j/ 54n	54j/ 54n	-
Media Terbitan Berkala	19j/ 33n	19j/ 33n	-
Media Sumbangan	17j/ 17n	17j/ 17n	-
Media Koleksi Khas	1,100j/ 1100n	868j/ 868n	232 j/ 232 n
<b>Jumlah</b>	<b>6,541j/ 7,168n</b>	<b>5,969j/ 6591n</b>	<b>572j/ 577n</b>
<b>PERATUSAN</b>	<b>(6,591n/ 7,168n x100)</b>	<b>91.2 %</b>	<b>8 %</b>

Jadual 44 : Jumlah Bahan Yang Diterima dan Diproses Sehingga Disember 2013

### Bahan-Bahan Lain Dalam Proses (Backlog)

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah backlog yang telah dikenalpasti ialah 572 judul/ 577 naskah. Ini melibatkan buku asal (7 judul), buku CIP (88 judul), jurnal hadiah (6 judul), Projek Sarjana Muda (239 judul) dan CD (Iringan) Projek Sarjana Muda (232 judul) yang tidak dapat diproses kerana bahan tersebut diterima pada penghujung bulan Disember 2013.

BIL.	BAHAN	TAHUN	BAKI
		2013	
1.	Buku asal	7j/ 7n	7j/ 7n
2.	Buku CIP	88j/ 88n	88j/ 88n
3.	Jurnal Hadiah	6j/ 11n	6j/ 11n
4.	Projek Sarjana Muda - FKP	239 j/ 239 n	239 j/ 239 n
5.	CD (I) PSM	232 j/ 232 n	232 j/ 232 n
	<b>Jumlah</b>	<b>572j/ 577n</b>	<b>572j/ 577n</b>

Jadual 45 : Bahan-Bahan Lain Dalam Proses (Backlog)


## Pendigitalan

### Bahan repositori

Perpustakaan telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitalan bahan koleksi khas UTeM. Berikut adalah analisa proses pendigitalan e-Prints sepanjang tahun 2013. Sebanyak 989 judul bahan koleksi khas UTeM telah diimbas melibatkan 97,233 helaian muka surat, dan hanya 721 judul bahan dapat dimuatnaik ke dalam sistem e-Prints.

PROSES	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	JUM
Pengimejan (judul)	103	121	214	112	170	43	41	71	56	23	0	35	989
Memuatnaik (judul)	182	88	0	175	132	23	17	17	59	28	0	0	721

Jadual 46 : Statistik Pengimejan dan Memuatnaik Bahan



## Bahan Ez-Proxy

Berikut adalah analisa proses pendigitalan bahan ke dalam sistem Ez-Proxy sepanjang tahun 2013. Sebanyak 430 judul bahan koleksi khas UTeM iaitu kertas peperiksaan fakulti telah diimbas dan 641 judul bahan dapat dimuatnaik ke dalam sistem Ez-Proxy.


PROSES	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	JUM
Pengimejan (judul)	189	-	-	-	-	177	-	-	-	-	-	64	430
Memuatnaik (judul)	464	-	-	-	-	177	-	-	-	-	-	-	641

Jadual 47 : Statistik Pengimejan dan Memuatnaik Bahan

## Pengurusan Perkhidmatan Maklumat

### Kelas Pendidikan Pengguna (KPP)

Jumlah keseluruhan Kelas Pendidikan Pengguna diadakan sepanjang 2013 adalah sebanyak 65 kali dan telah dihadiri seramai 797 orang. Dari segi jumlah mengadakan kelas ini telah meningkat iaitu melebihi 27 kali berbanding tahun 2012 (71%). Sejumlah 142 orang Pembantu Penyelidik (GRA/RA/SRA) telah menghadiri KPP dan peserta dari FTMK mencatatkan kehadiran tertinggi bagi tahun 2013 iaitu seramai 31 orang.



Rajah 20 : Bilangan Peserta Kelas Pendidikan Pengguna

## Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Perkhidmatan ini bertujuan membantu pengguna memperoleh bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTeM melalui kerjasama antara perpustakaan lain sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM. Selain itu juga, Perpustakaan ini juga menerima permohonan daripada Perpustakaan IPT lain bagi meminjam bahan yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan UTeM.

Pada tahun 2013, Bahagian Rujukan telah menerima sebanyak 93 permohonan SPP berbentuk buku dan 232 artikel atas talian dengan jumlah keseluruhan adalah 325. Sejumlah 249 (77%) permohonan daripada 325 permohonan berjaya dipenuhi oleh perpustakaan. Manakala dari sasaran objektif kualiti MS ISO jabatan, sejumlah 241 (97%) judul artikel dan buku berjaya dipenuhi permintaan di bawah 10 hari bekerja dari jumlah keseluruhan penerimaan 249 judul.

## Pameran

Bahagian Rujukan juga berperanan dalam mengadakan pameran bagi tujuan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan kepada warga UTeM. Selain itu, perpustakaan juga mengadakan pameran semasa dengan kerjasama agensi luar.


## Lawatan

Sehingga 31 Disember 2013, Perpustakaan UTeM telah menerima lawatan daripada 9 kumpulan (359 orang). Peserta lawatan terdiri daripada pelajar dan staf Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara, sekolah dan politeknik.

## Pertanyaan Melalui Laman Sosial *Facebook* Dan *Twitter*

Perpustakaan turut mengikuti arus semasa dan peka dengan kehendak pengguna masa kini yang gemar berinteraksi dan berkomunikasi melalui laman sosial seperti di *Facebook* dan *Twitter*. Laman *Facebook* telah diwujudkan pada tahun 2011 dan telah mendapat sambutan yang baik dari pengguna iaitu 2,216 orang penggemar. Sepanjang tahun 2013, terdapat 41 soalan yang telah diajukan di Facebook dan telah diberi maklumbalas oleh Pustakawan yang mengendalikannya dengan cepat, ringkas dan padat.

Bagi laman Twitter yang ditubuhkan pada bulan April 2013, sambutan yang diberikan juga amat menggalakkan dan perlu dipromosi dari masa ke semasa untuk menarik lebih ramai pengikut. Sehingga kini, Twitter Perpustakaan UTeM mempunyai 53 pengikut dan jumlah ini dijangkakan akan terus bertambah. Tiada pertanyaan rujukan yang diajukan pada Twitter setakat ini kerana pengguna lebih banyak menggunakan Facebook yang telah sedia wujud sebelum ini.







**PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN  
INFOSTRUKTUR ICT**



اونیورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT

## Persekitaran Tanpa Kertas (Paperless Environment)

Bagi mewujudkan persekitaran kampus digital sejajar dengan Pelan Strategik UTeM 2012-2020, pelbagai kemudahan ICT telah disediakan dan dinaiktaraf di samping mewujudkan paperless environment dalam tadbir urus universiti. Sehingga tahun 2013, sebanyak 80% proses kerja telah berjaya diautomasikan merangkumi aktiviti pengurusan, pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan menerusi aplikasi sistem maklumat yang disediakan (SMP, SMSM, SMK, SMPS dan URIS). Di samping pertambahan modul, penambahbaikan proses bagi modul-modul yang sedia ada di dalam sistem turut diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan automasi kepada pengguna.

3 sistem baru juga telah diwujudkan iaitu Sistem Maklumat Kenderaan (SMK), Sistem Pengurusan Kemudahan (SPK) dan Sistem Tele-presence.

## Pencapaian Utama Infostruktur ICT 2013

<b>Kaedah baru Sistem Pendaftaran Pelajar Baru</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar memuat naik gambar untuk kad matrik semasa membuat pengesahan terimaan tawaran</li><li>• Kad pelajar dicetak awal dan diberikan semasa pelajar mendaftar</li><li>• Berjaya memendekkan masa pendaftaran dari 1 jam kepada 20 minit sahaja</li><li>• Mendapat maklumbalas positif dari ibubapa yang tidak perlu menunggu lama bagi urusan pendaftaran</li></ul>
<b>Sistem Maklumat Pengurusan Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 2 Modul awal yang telah dilaksanakan iaitu Modul Pendaftaran dan Terimaan Aset</li><li>• Membantu memudahkan pengurusan aset di peringkat Bendahari dan semua PTJ.</li></ul>
<b>Perlaksanaan Sistem Kehadiran GRA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua GRA perlu merekod kehadiran menggunakan mesin kehadiran yang disediakan menggantikan kaedah manual sebelum ini</li><li>• Memudahkan pemantauan dan urusan pembayaran Elaun</li></ul>
<b>Sistem Maklumat Kenderaan Universiti</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembangunan sistem baru yang lebih komprehensif menggunakan platform ASP.net</li><li>• Integrasi dengan Sistem Maklumat Kenderaan yang sedia ada</li></ul>
<b>Sistem Maklumat Fasiliti</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sistem Laporan Kerosakan bagi Pejabat Pembangunan</li><li>• Helpdesk bagi aduan kerosakan PC (Pusat Komputer)</li><li>• Permohonan perkhidmatan tele-presence</li></ul>
<b>Laporan Pengendalian Matapelajaran untuk PJKA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghasilkan analisa dan statistik penilaian pengendalian matapelajaran yang dijawab oleh pelajar menerusi SMP</li></ul>
<b>Laman Web UTeM</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengekalkan penarafan 5 bintang</li><li>• Tempat ke 2 pertandingan laman web</li></ul>


## Penggunaan Emel Rasmi MS OFFICE 365

Penggunaan email Microsoft Live@edu telah digunakan sejak tahun 2009 sebagai alternatif perkhidmatan komunikasi semua staf dan pelajar yang tersedia ada beberapa yang terdapat didalamnya iaitu :-


- (a.) Kapasiti penggunaan email sehingga 10GB
- (b.) Menggunakan perkhidmatan 25GB simpanan data dalam talian (SkyDrive)
- (c.) Sistem penjadualan atas talian
- (d.) Penggunaan perisian Microsoft Office atas talian secara percuma

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan maka sekali lagi dengan kerjasama Microsoft (M) kerja menaiktaraf perkhidmatan komunikasi ini daripada Microsoft Live@edu kepada Microsoft Office 365 telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada 7 Julai 2013.

Di antara ciri-ciri yang ada dalam Ms Office 365 adalah seperti dalam Gambar rajah di bawah ini.



Rajah 21 : Ciri-Ciri Dalam Microsoft Office 365






## Sistem Tele Presence Pertama Kali Dilaksanakan Pada Tahun 2013

Tele-Presence adalah suatu sistem teknologi komunikasi terkini menggunakan video High Definition (HD) dan Rangkaian Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi membenarkan perbincangan dan perhubungan dalam talian untuk dijalankan. Ia amat berlainan dengan sistem video konvensional kerana ia menawarkan persekitaran yang direka khas, teknologi interaktif, dan imej video berdefinisi tinggi. Di antara impak besar yang boleh diperolehi ialah:-

- Dalam meningkatkan tahap keberkesanan sistem komunikasi untuk tujuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) serta proses Pentadbiran Universiti.
- Menjimatkan masa dan kos perjalanan ke luar UTeM untuk menghadiri tugas rasmi dan akhirnya membawa kepada penjimatan perbelanjaan kewangan.
- Merevolusikan interaksi pendidikan dan pentadbiran dengan pihak luar secara usaha sama dalam talian.



Rajah 22 : Diagram Perkhidmatan Sidang Video Tele-Presence Di UTeM


## Laman Web Bertaraf 5 Bintang

Penambahbaikan berterusan laman web dari segi kandungan dan keperluan terkini selaras dengan penilaian Malaysia Government Portals & Websites Assessment (MGPWA) bagi pentandingan Laman Web/Portal Agensi Kerajaan Malaysia 2013 yang dilakukan Multimedia Development Corporation (MDEC).

Laman web UTeM berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang bagi tahun ketiga berturut-turut.



Rajah 23 : Laman Web UTeM



## Pensijilan ISO Dalam Keselamatan ICT Pertama Kali Pada 2013

Dalam memperkasakan keselamatan ICT terutama untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat organisasi selaras dengan keperluan dan ekspektasi stakeholder maka pada 25 Oktober 2013, Pusat Komputer, UTeM secara rasmi telah disahkan mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2007.



## Digital Kampus

Mengambil kira dari segi capaian kemudahan ICT terutama terhadap capaian sistem portal aplikasi dalaman, sistem e-Learning dan e-mail MS Office 365 pada bila-bila masa dan tanpa batasan lokasi melalui pelbagai media. Maka dalam menyokong aktiviti tersebut beberapa penunjuk aras harus diambil kira iaitu:-

- 80% proses kerja ditukar daripada manual kepada sistem automasi sepenuhnya terhadap aktiviti pengurusan, pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran serta penyediaan.
- 16% kawasan liputan wifi berbanding keluasan keseluruhan bangunan di setiap kampus.
- 70% kawasan liputan wifi disemua kolej kediaman.

Maka secara keseluruhan tahap pencapaian ke arah mewujudkan digital kampus adalah pada tahap 55.3% dan dijangka pada tahun yang akan datang.




Rajah 24 : Portal Rasmi UTeM

## Capaian Internet 1GBP

Dalam menyokong pelaksanaan e-learning untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (P&P) kemudahan internet bandwidth telah dinaik taraf kepada 1 Gbp oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dimana UTeM adalah termasuk dalam 4 IPTA yang lain yang telah terpilih. Maka kesan daripada kenaikan berikut ialah:-

- Nisbah bandwidth perpelajar telah meningkat daripada 36 Kbp kepada 133 Kbp (10,000 pelajar, 30% penggunaan, 400 Mbp).
- Mewujudkan persekitaran yang menarik dan kondusif kepada pelajar dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) melalui media sosial boleh dilakukan melalui internet.
- Menyokong perkembangan corak pengajaran dan pembelajaran 'Generasi Y' yang lebih santai untuk berada di alam maya yang unik di universiti.




Rajah 25 : UTeM Wide Area Network

## E-Learning Infrastructure Ready

Dalam menyokong pelaksanaan e-learning untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran maka infrastuktur ICT yang reliable, availability dan agile telah digunakan di antara projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah :-

### **Storage Replication**


Tujuan utama Storage Replication ini adalah untuk mendapatkan salinan pendua (backup) kepada data-data utama UTeM yang melibatkan pangkalan data antaranya seperti Sistem Maklumat Pelajar (SMP), Sistem Maklumat Kewangan Besepadu (SMKB), Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) dan Sistem Maklumat Pasca Siswazah.






## Database Clustering N + 1

Di dalam projek ini, konsep Database Clustering yang akan cuba diketengahkan ialah konsep Multiple Instances N+1. Konsep ini membolehkan dua (2) atau lebih nod yang active dan satu (1) nod lagi bertindak sebagai standby. Konsep ini membenarkan 2 atau lebih SQL Server Instances dilarikan di dalam satu (1) cluster. Konsep ini lebih dikenali sebagai active-active. Hasilnya ialah dapat meningkat prestasi, kebolehcapaian dan juga ketersediaan pangkalan data di UTeM.



Rajah 26 : Konsep Storage Replication



Rajah 27 : Konsep Database Clustering

**KECEMERLANGAN MAHASISWA &  
PEMERKASAAN ALUMNI**



اونيوورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




## KECEMERLANGAN MAHASISWA & PEMERKASAAN ALUMNI

Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) mempunyai visi “Menerajui Pembangunan Holistik Pelajar Yang Kreatif dan Inovatif” dan misi “Melahirkan Graduan Yang Bersahsiah Murni, Berketrampilan Dan Berdaya Saing Melalui Program Pembangunan Pelajar Yang Holistik, Perkhidmatan Yang Efektif dan Persekitaran Yang Kondusif”.


Berpandu kepada Nilai Teras HEPA iaitu “Berkonsentrasi Pelanggan, Integriti, Kerja Berpasukan, Inovasi dan Profesionalism” perkhidmatan yang terbaik wajar diberikan kepada pelajar UTeM. Penyediaan Kolej Kediaman/asrama penginapan yang selesa dan kondusif kepada pelajar yang dilengkapi WIFI dan kemudahan lain amat dititikberatkan oleh UTeM.

Dengan terbinanya Kolej Kediaman Lestari di dalam kampus yang dilengkapi WIFI, kafeteria, kedai runcit, kemudahan bersukan dan beriadah serta ruang bilik yang luas (2 orang sebilik) mampu untuk melahirkan pelajar yang holistik.

Sepanjang tahun 2013 Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah melaksanakan hampir 300 pelbagai aktiviti pelajar merangkumi 8 teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara PSPTN (Daya Usaha & Inovasi, Pengucapan Awam, Kepimpinan, Sukan, Kebudayaan, Keusahawanan, Khidmat Komuniti dan Kesukarelawan) yang melibatkan hampir 20,000 orang peserta (pelajar dan orang luar). Aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan oleh pelajar melalui persatuan/kelab/sekretariat yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama berbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak industri) atau komuniti setempat.




Rajah 28 : Perbandingan Aktiviti Mengikut Bulan



Rajah 29 : Bilangan Peserta/ Pelajar Mengikut Bulan

## Program Keusahawanan

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI
i.	Lawatan industri ke Syarikat Mat Salai Sdn. Bhd.
ii.	Lawatan industri ke Coca-cola Bottlers Malaysia Sdn. Bhd
iii.	Seminar Peruncitan dan Francais 2013
iv.	Program "Graduate Entrepreneurship in Islamic Finance 2013"
v.	Konvensyen Keusahawanan Antarabangsa dan Seminar Keusahawanan UTem 2013
vi.	Program keusahawanan mahasiswa seperti Permatang Pelajar, Arked Pelajar dan tapak niaga pelajar sempena Pesta Konvo
vii.	Pertandingan Perniagaan IPTA 2013,
viii.	Pertandingan ENACTUS 2013
ix.	SME-University Internship
x.	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan
xi.	Karnival Jualan IT





## Sukan

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI
i.	Johan Keseluruhan dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi Melaka
ii.	1 Emas dan 1 Perak dalam acara Teakwando semasa Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia 2013 (MASUM)
iii.	1 Perak dalam acara Tenpin Bowling dalam Kejohanan Tenpin Bowling KPM 2013
iv.	Wakil Malaysia dalam Sukan SEA di Myanmar bagi acara rowing
v.	Johan dalam Kejohanan Futsal IPT 2013 Sirkit 4 (Zon Timur) dan salah seorang pemain (lelaki) UTeM telah dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Kejohanan
vi.	Juara dalam kategori Bowl di Kejohanan Ragbi 7's MASUM.

## Kemasyarakatan

Mahasiswa UTeM turut melaksanakan tanggungjawab sosialnya bukan sahaja di peringkat nasional bila menyampaikan sumbangan wang, peralatan dan tenaga kepada mangsa banjir di Kuantan pada Disember 2013 dan menyemai bakti di FELDA Kerteh 2, Terengganu. Program Khidmat Komuniti di Kepulauan Karimun, Riau, Indonesia menunjukkan bahawa mahasiswa UTeM juga prihatin terhadap masyarakat di rantau Asia Tenggara dimana UTeM memberi sumbangan komputer dan memberi latihan terhadap asas penyelenggaraan komputer di Sekolah Teknik Tangjung Batu, Pulau Kundur, Karimun.

## Lawatan Ilmiah / Kepimpinan ke Luar Negara


Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) pada 17-21 November 2013 telah mengadakan program Global Outdoor Pioneering Ke Jogyaarta, Indonesia dan melawat Universitas Atma Jaya Yogyakarta (UAJY) dan Universitas Gadjah Mada (UGM) dalam meningkatkan aspek kepimpinan dan merapatkan hubungan serumpun dikalangan pelajar.



## Kecemerlangan Mahasiswa

Sepanjang 2013, antara pencapaian mahasiswa UTeM yang membanggakan antaranya:

- i. Mahasiswa UTeM menjuarai Pidato Kenegaraan 2013 yang diadakan di Dewan Kompleks Rakan Muda Lendu, Alor Gajah
- ii. UTeM merangkul Kejuaraan dalam kategori Paintball Robot semasa menyertai Malaysia International Robot Competition 2013
- iii. Seorang Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan berjaya menempatkan diri dalam senarai antara 5 peserta terbaik daripada 2,000 penyertaan seluruh negara dalam pertandingan DIGI Challenge for Change.
- iv. Pasukan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik seramai 8 orang berjaya merangkul tempat Ketiga dalam kategori Rope Climbing Robot dan tempat Pertama bagi kategori Poster Terbaik di Malaysia International Robot Competition 2013.
- v. Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan meneruskan kecemerlangan apabila merangkul 4 pingat Emas, 6 pingat Gangsa dan 1 Anugerah Khas dalam Pertandingan Pameran Inovasi dan Rekapipta Kejuruteraan Antarabangsa (i-ENVEX) 2013.
- vi. Dalam pertandingan MSC Malaysia-IHL Business Plan Competiton 2013 (Master Series), 3 orang pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan berjaya mendapat tempat Ketiga dalam kategori Idea Perniagaan.
- vii. Seorang pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Zawawi Embong yang mewakili Malaysia berjaya dianugerahkan Pingat Kecemerlangan dalam World Skills Competiton 2013 yang berlangsung di Jerman.
- viii. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi berjaya menganjurkan RoboRace Challenge 2013 yang menghimpunkan lebih kurang 16 pasukan bagi merebut gelaran Juara di kalangan pelajar UTeM.
- ix. Kolej Kediaman Murni, D'Apartment dan Makmur bersama Jawatankuasa Kolej Kediaman Mahasiswa Luar berjaya menganjurkan program Kursus Kepimpinan Modal Insan Pengawas Sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh.
- x. Pelajar UTeM berjaya menarik perhatian masyarakat Melaka dan pelancong asing melalui persembahan kebudayaan Citrawarna UTeM 2013 sempena Pesta Sungai Melaka 2013



## Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar

Sebanyak 8 kategori anugerah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) sempena Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar yang telah diadakan pada 29 Mei 2013. Anugerah berkenaan diberikan bagi menghargai kejayaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sepanjang tahun 2013. Antara anugerah yang disampaikan adalah:


- i. Anugerah Kebudayaan (Individu & Kumpulan)
- ii. Anugerah Kemasyarakatan (Individu & Kumpulan)
- iii. Anugerah Keusahawanan (Individu & Kumpulan)
- iv. Anugerah Kolej Kediaman Terbaik (Kumpulan)
- v. Anugerah Persatuan Fakulti Terbaik (Kumpulan)
- vi. Anugerah Kelab/Persatuan/Sekretariat Terbaik (Kumpulan)
- vii. Anugerah Kepimpinan (Individu)
- viii. Anugerah Pelajar Gemilang (Individu).

## Alumni

Unit Kerjaya dan Alumni, HEPA sedang rancak mengumpul alumni UTeM seluruh negara bagi menjalankan pelbagai aktiviti serta merapatkan silaturahim antara alumni UTeM dan UTeM. Mac 2013 UTeM melancarkan Program Jelajah Alumni ke seluruh negara dan dimulai dengan zon tengah meliputi kawasan Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Program ini akan diteruskan ke zon selatan di Johor Bahru, zon utara di Pulau Pinang, zon timur di Terengganu, Zon Sabah dan zon Sarawak. Antara aktiviti lain yang dijalankan adalah Program Singgah Sahur – Alumni Bersama Masyarakat.

## Kajian Pengesanan Graduan

Data diambil semasa konvokesyen yang diadakan pada bulan Oktober 2013. Berdasarkan statistik diatas, peratusan Kebolehpasaran graduan UTeM adalah 68% (Bekerja & Sambung Belajar). Peratusan ini diambil semasa konvokesyen UTeM yang telah diadakan pada bulan Oktober 2013 dan ianya merupakan 3 bulan selepas pelajar UTeM mengambil peperiksaan akhir mereka dan bergraduat menghadiri konvokesyen pada bulan Oktober 2013.




Rajah 30 : Statistik Graduan 2013

PENGURUSAN BAKAT



اونیورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# PENGURUSAN BAKAT

## Pengurusan Sumber Manusia

### Waran dan Pengisian

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah waran yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak 1986 jawatan yang merangkumi 4 jawatan Pengurusan Utama, 889 jawatan Akademik, 185 jawatan Pentadbiran (Pengurusan & Profesional) dan selebihnya sebanyak 908 jawatan Pentadbiran (Pelaksana). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1987 jawatan telah diisi secara tetap, kontrak dan sementara. Jadual 48 di bawah menunjukkan waran dan pengisian bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

KUMPULAN STAF	WARAN	PENGISIAN		
		TETAP	KONTRAK	SEMENTARA
Pengurusan Utama	4	4	-	-
Akademik	889	782	45	14
Pengurusan & Profesional	185	172	12	-
Pelaksana	908	882	76	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1986</b>	<b>1840</b>	<b>133</b>	<b>14</b>

Jadual 48 : Jumlah Waran Perjawatan dan Pengisian Tahun 2013

## Pengisian Perjawatan Tahun 2013

Bagi pengisian jawatan akademik dan bukan akademik, Universiti telah menjalankan pengisian jawatan kepada calon-calon tempatan dan antarabangsa yang berkelayakan sehingga Disember 2012.

BIL.	PENGISIAN JAWATAN AKADEMIK	JUMLAH
1.	Lantikan Baru (Tetap)	35 orang
2.	Lantikan Baru (Kontrak)	9 orang
3.	Pertukaran Skim	24 orang
4.	Naik Pangkat	69 orang
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>137 orang</b>

Jadual 49 : Jumlah Pengisian Jawatan Akademik 2013

BIL.	PENGISIAN JAWATAN BUKAN AKADEMIK	JUMLAH
1.	Lantikan Baru (Tetap)	29 orang
2.	Lantikan Baru (Kontrak)	16 orang
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>45 orang</b>


Jadual 50 : Jumlah Pengisian Jawatan Bukan Akademik 2013

## Peratusan Staf Berkelayakan PhD

Seramai 224 Pensyarah yang berkhidmat di Universiti adalah berkelayakan PhD dan menjadikan peratusan Pensyarah berkelayakan PhD meningkat kepada 29.55%. Pelbagai inisiatif diusahakan bagi memastikan peratusan ini meningkat dari semasa ke semasa untuk mencapai hasrat MyBrain 15 yang mensasarkan seramai 60,000 pemegang PhD dan setaraf menjelang tahun 2023 selaras dengan agenda "Malaysia sebagai Pusat kepada Perkembangan Pengetahuan dan Inovasi". Jadual 51 di bawah menunjukkan pecahan Pensyarah berkelayakan PhD di Universiti ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

BILANGAN PENGISIAN SEMASA								
PENSYARAH DENGAN PhD (tidak termasuk kontrak)	PENSYARAH KONTRAK DENGAN PHD			PENSYARAH DENGAN SARJANA KEPAKARAN ATAU SETARAF	PENSYARAH KONTRAK TANPA PHD	PENSYARAH TANPA PHD	JUMLAH PENGISIAN	PERATUS PHD ATAU SETARAF#
a	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah (b)	c	d	e	f=a+b+c+d+e	g=a+b+c/f*100
198	6	20	26		19	515	758	29.55

Jadual 51 : Peratusan Pensyarah Berkelayakan PhD Tahun 2013



## Pewujudan Skim Felo Terhormat (Distinguished Fellow)/ Profesional Berpengetahuan (Knowledge Professional)

Kemudahan melantik tenaga pakar dan profesional serta ahli akademik terkemuka dari Malaysia yang berada ataupun bertugas di luar negara khususnya apabila mereka sedang bercuti di negara ini, UTeM akan menjemput mereka melalui skim ini untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka melalui bidang masing-masing agar dapat dimanfaatkan ilmu yang diberikan kepada seluruh warga kampus.

Tempoh lantikan adalah dari satu (1) hingga tiga (3) tahun dan calon boleh hadir ke UTeM pada bila-bila masa dengan had 3 hari maksimum setiap kali hadir ketika calon sedang bercuti di Malaysia. Berikut merupakan tugas utama yang telah disenaraikan:

- i. Memberikan ceramah/seminar/dialog dalam bidang kepakarannya kepada seluruh warga universiti khususnya para pelajar dan staf akademik.;
- ii. Memberi khidmat nasihat berkaitan kurikulum dan silibus dalam bidang-bidang yang berkaitan;
- iii. Memberi nasihat dan membantu Universiti dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kepakaran tertentu;
- iv. Terlibat sebagai ketua/ahli dalam sesuatu kumpulan industri tertentu;
- v. Memberi khidmat nasihat dan merangka program latihan industri berdasarkan keperluan semasa kepada tenaga akademik Universiti dan pelajar.

## Pembangunan Sumber Manusia

### Latihan dan Pembangunan Kompetensi Staf

Sepanjang tahun 2013, Jabatan Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah berjaya menganjurkan sebanyak 114 kursus anjuran dalaman yang merangkumi kompetensi umum (generik) dan khusus (fungsional), manakala seramai 770 orang staf UTeM menyertai kursus anjuran luar.

GRED / KUMPULAN	BILANGAN STAF	KURSUS JANGKA PENDEK			KURSUS JANGKA PANJANG > 3 BULAN
		<7 HARI	>7 HARI	TIDAK BERKURSUS	
JUSA	22	22	0	0	0
Pengurusan & Professional	800	686	101	13	196
Sokongan 1	725	621	97	7	0
Sokongan 2	227	117	84	26	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1774</b>	<b>1446</b>	<b>282</b>	<b>46</b>	<b>196</b>
<b>PERATUSAN</b>		<b>81.51</b>	<b>15.9</b>	<b>2.59</b>	<b>11.05</b>

Jadual 52 : Bilangan Staf Mengikuti Latihan Tahun 2013

Statistik di atas menunjukkan bahawa seramai 1446 orang staf (81.51%) daripada pelbagai gred jawatan dan skim telah mencapai 42 jam setahun seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA). Daripada jumlah tersebut, gred/kumpulan JUSA (22 orang), gred/kumpulan Pengurusan & Profesional (621 orang), gred/kumpulan Sokongan 1 (621 orang) dan Sokongan 2 (227 orang) telah mencapai 42 jam setahun.


## Program PERINTIS


Program PERINTIS telah dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR). Pada tahun 2013, program PERINTIS telah dijalankan sebanyak enam (6) kali yang melibatkan 9 Pusat Tanggungjawab dan 585 orang staf. Kesemua program telah diadakan di Pusat Ko-Kurikulum, Kampus Induk UTeM.

## UTeM Leadership Development Program (ULDP)

UTeM Leadership Development Program (ULDP) yang telah dilancarkan oleh Naib Canselor UTeM pada 3 Oktober 2012 diteruskan pada tahun 2013 dengan harapan untuk membangunkan lapisan pemimpin UTeM yang berfokus kepada pembangunan kepimpinan dan pemikiran strategik untuk mencapai visi, misi dan strategi UTeM.

## Projek Inisiatif: Satu Fakulti Satu Industri

PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>Objektif :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi keunikan dalam aspek pembelajaran kepada pelajar di UTeM menerusi perkongsian pintar universiti-industri.</li> <li>2. Meningkatkan kerjasama yang lebih menyeluruh di antara universiti industri.</li> <li>3. Meningkatkan kebolehpasaran graduan.</li> </ol>






## Projek Inisiatif : Personalised Learning Environment

Nama Pemilik : Prof. Madya Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani

Ketua Kumpulan : Prof. Madya Dr. Jariah binti Mohamad Juoi

PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>Objektif Projek :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Untuk meningkatkan proses pembelajaran pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia.</li><li>2. Untuk memupuk pelajar yang bertanggungjawab dan berfikir kreatif.</li><li>3. Untuk menyokong ahli-ahli akademik dalam membangunkan persekitaran pembelajaran peribadi yang terbuka yang memudahkan pembelajaran sendiri dan kerjasama di kalangan pelajar dan ahli akademik.</li></ol>

## Projek Inisiatif : UTeM MyHome

Nama Pemilik : LAr. Abdul Wahab bin Harun


Ketua Kumpulan : Encik Samsul bin Samdin


PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>INISIATIF PROJEK 1</b></p> <p><b>RAKAN KESELAMATAN UNIVERSITI (RKU)</b></p> <p><b>Objektif :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kurangkan Kadar Indeks Jenayah di Kalangan Warga</li><li>2. Jaringan Komunikasi Yang Pantas</li><li>3. Rasa Cinta &amp; Sayang Kepada Universiti</li><li>4. Bendung Gejala Sosial Di Dalam UTeM</li><li>5. Perubahan Sikap Warga UTeM - Kekitaan, Kepunyaan, endah dan Kebertanggungjawaban yang Tinggi</li><li>6. Peka kepada Keselamatan Bersama</li><li>7. Pembentukan Identiti Baru Warga – Endah dan Kesah kepada persekitaran</li></ol>

PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>INISIATIF PROJEK 2 :</b>  <b>MyHOME AGENT</b></p> <p><b>Objektif :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Agen Perubahan Sikap di Kalangan Warga</li> <li>2. Tahu Masalah Sebenar Dihadapi</li> <li>3. Tahu Penyelesaian Sebenar diperlukan</li> <li>4. Membawa Nilai Murni dalam MyHOME</li> </ol> <p><b>INISIATIF PROJEK 3 :</b>  <b>UTeM CARE</b></p> <p><b>Objektif :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Galak penglibatan semua warga universiti</li> <li>2. Pupuk Sikap Endah dan Kesah dikalangan warga</li> <li>3. Saluran Untuk Beramal</li> <li>4. Aktiviti Berterusan</li> <li>5. Prospek</li> </ol>

### Projek Inisiatif: Green Cafe

Nama Pemilik : Engr. Dr. Noreffendy bin Tamalidin  
Ketua Kumpulan : Prof. Madya Engr. Juhari bin Abdul Razak


PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>Objektif :</b></p> <p>Menerapkan nilai-nilai Islam dalam eko sistem Universiti bagi melahirkan staf dan graduan yang menjadikan Islam sebagai cara hidup. Inisiatif ini adalah salah satu kaedah yang dapat menerapkan nilai dan budaya berteraskan Islam iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersih</li> <li>• Tanggungjawab</li> <li>• Bekerjasama</li> <li>• Hormat-menghormati</li> <li>• Berdisiplin</li> </ul> <p><b>Pencapaian :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesedaran telah meningkat</li> <li>2. Pelaksanaan self cleaning ~85%</li> <li>3. Tong minyak masak terpakai penuh</li> <li>4. Kejayaan AJK menggunakan minyak masak terpakai menjadi lilin pelangi</li> </ol>



## Projek Inisiatif: Jom Jemaah di Masjid

Nama Pemilik : Dr. Radzuan bin Nordin


Ketua Kumpulan : Dr. Hazmilah binti Hasan

PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>Objektif :</b> Objektif JJDM adalah membantu Pusat Islam dalam perkara berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Membentuk pemimpin (staf dan graduan) yang mempunyai sahsiah murni dan berkeperibadian mulia selaras dengan misi universiti dan tuntutan agama Islam melalui solat berjemaah dan aktiviti nya.</li><li>2. Memasjidkan universiti dan memasyarakatkan masjid.</li></ol>

## Projek Inisiatif: UTeM Touch

Nama Pemilik : Dr. Mariana binti Yusoff

Ketua Kumpulan : Dr. Asiah binti Hj. Mohd Pilus

PROJEK	KEMAJUAN
	<p><b>Objektif :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Meningkatkan kemahiran komunikasi</li><li>2. Meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi</li><li>3. Meningkatkan perkongsian ilmu</li></ol>

## Pengesahan Perkhidmatan Staf

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan beberapa siri Program UTeM Terbilang (merangkumi Program Orientasi Staf Baru, Aku Janji serta Pengenalan Universiti) dan Program Transformasi Minda yang melibatkan semua kumpulan dan gred jawatan bagi membolehkan staf menepati syarat-syarat sebelum layak disahkan dalam perkhidmatan. Berikut adalah statistik penganjuran kursus tersebut:

BIL	TARIKH	PELAKSANA	PENGURUSAN & PROFESIONAL		JUMLAH PESERTA KESELURUHAN
			AKADEMIK	BUKAN AKADEMIK	
1	Bil. 1/2013 [13 - 17 Mei 2013]	0	44	3	47


Jadual 53 : Program UTeM Terbilang Bagi Tahun 2013

BIL. & TARIKH	PENGURUSAN & PROFESIONAL			JUMLAH PESERTA
	AKADEMIK	PENTADBIRAN (P&P)	SOKONGAN	
Bil. 1/2013 [28 Okt. - 1 Nov. 2013]	42	2	1	45

Jadual 54 : Program Transformasi Minda Tahun 2013

BIL & TARIKH MESYUARAT	JUMLAH STAF YANG DISAHKAN	STATUS PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN			
		TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3	TAHUN 4
Bil. 1/2013 [5 Julai 2013]	88	7	74	7	0

Jadual 55 : Bilangan Staf Disahkan ke Dalam Perkhidmatan Tahun 2013





## Cuti Belajar

### Staf Aktif Cuti Belajar

Sehingga 31 Disember 2013, seramai 191 orang staf akademik, 17 orang Fellow dan 1 orang bagi staf bukan akademik sedang melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan Sarjana. Jumlah ini meliputi pengajian di dalam negara dan luar negara. Keseluruhan jumlah cuti belajar bagi staf akademik, fellow dan staf bukan akademik sehingga 31 Disember 2013 adalah 212 orang.

NEGARA	PHD 2013	SARJANA 2013
MALAYSIA	92	14
DENMARK	1	0
JEPUN	24	0
NEW ZEALAND	4	0
PERANCIS	1	0
SWEDEN	2	0
UNITED KINGDOM	35	2
AUSTRALIA	6	1
AMERIKA SYARIKAT	4	0
CANADA	2	0
GERMAN	1	1
NORWAY	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>173</b>	<b>18</b>

Jadual 56 : Bilangan Staf Akademik Aktif Cuti Belajar Sehingga 31 Disember 2013 Mengikut Negara

NEGARA	PHD 2013	SARJANA 2013
MALAYSIA	11	4
UNITED KINGDOM	1	0
JEPUN	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>4</b>

Jadual 57 : Bilangan Fellow Yang Ditawarkan Kepada Orang Awam Yang Aktif Cuti Belajar Sehingga 31 Disember 2013 Mengikut Negara

NEGARA	PHD 2013	SARJANA 2013	SARJANA MUDA
MALAYSIA	0	2	1
UNITED KINGDOM	1	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

Jadual 58 : Bilangan Staf Bukan Akademik Yang Aktif Cuti Belajar Sehingga 31 Disember 2013 Mengikut Negara Di Bawah Tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) & Lain-Lain

## Jumlah Penghantaran Staf Cuti Belajar

Pada tahun 2013, Seramai 42 orang staf akademik telah dihantar melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan 9 orang staf akademik di peringkat Sarjana.

NEGARA	PHD 2013	SARJANA 2013
MALAYSIA	13	6
DENMARK	1	0
JEPUN	13	0
NEW ZEALAND	3	0
PERANCIS	1	0
SWEDEN	1	0
UNITED KINGDOM	9	2
AUSTRALIA	-	1
AMERIKA SYARIKAT	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>42</b>	<b>9</b>


Jadual 59 : Bilangan Staf Akademik Melanjutkan Pengajian Di Peringkat PhD Dan Sarjana Pada Tahun 2013 Mengikut Negara

NEGARA	PHD 2013
UNITED KINGDOM	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>

Jadual 60 : Bilangan Skim Fellow Yang Ditawarkan Kepada Orang Awam Pada Tahun 2013 Mengikut Negara

NEGARA	SARJANA 2013	SARJANA MUDA 2013
MALAYSIA	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

Jadual 61 : Bilangan Staf Bukan Akademik Yang Ditawarkan Cuti Belajar Pada Tahun 2013 Mengikut Negara



## Staf Balik Cuti Belajar

Secara keseluruhan seramai 76 orang staf telah lapor diri di Bahagian Cuti Belajar sehingga 31 Disember 2013. Daripada jumlah tersebut seramai 56 orang telah lapor diri dari pengajian di peringkat PhD dan 20 orang di peringkat Sarjana. Daripada jumlah staf yang telah lapor diri di peringkat PhD seramai 16 orang telah berjaya mendapat PhD dan 17 orang telah berjaya di peringkat Sarjana.

## Jumlah Staf Cuti Belajar Berjaya

Jumlah keseluruhan staf berjaya dengan kejayaan PhD bagi Tahun 2013 adalah 38 orang dan Sarjana adalah 15 orang.

FAKULTI	BERJAYA PHD TAHUN 2013	BERJAYA PHD SEHINGGA 31 DIS 2013	KEJAYAAN MENANTI PHD 2013	BERJAYA SARJANA TAHUN 2013	BERJAYA SARJANA SEHINGGA 31 DIS 2013	KEJAYAAN MENANTI SARJANA 2013
FKE	6	18	8	5	90	2
FKEKK	4	19	8	2	76	1
FKM	8	33	4	1	84	1
FKP	8	39	1	0	55	0
FPTT	2	9	2	0	0	0
PBPI	5	17	1	0	7	0
FTMK	5	37	12	0	35	0
FTK	0	0	0	7	25	0
<b>JUMLAH</b>	<b>38</b>	<b>172</b>	<b>36</b>	<b>15</b>	<b>372</b>	<b>4</b>

Jadual 62 : Bilangan Staf Akademik Yang Berjaya Dan Kejayaan Menanti Di Peringkat PhD Dan Sarjana Pada Tahun 2013 Mengikut Fakulti

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Skim Sangkut Industri

Skim Sangkut Industri adalah Program latihan industri yang dapat membantu merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal dan perkongsian pintar di antara Universiti dan industri. Pada tahun 2013, seramai 10 orang staf akademik yang telah diluluskan untuk menjalankan Skim Sangkut Industri.

## Dasar dan Kualiti Pengurusan


### Audit MS ISO 9001:2008

Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar dengan skop audit “Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia”. Pengiktirafan ini diberikan hasil daripada pelaksanaan Surveillance Audit 2 bagi tahun kedua yang dipandu oleh Encik Saiful Nazrin Abd Rashid yang merupakan Ketua Juruaudit dari Badan Pensijilan Bureau Veritas Certification (M) Sdn Bhd.

Antara laporan daripada pihak Bureau Veritas Certification (BVC) menyatakan staf dan Pengurusan Pejabat Pendaftar telah menunjukkan komitmen yang tinggi ke arah peningkatan berterusan dan secara tidak langsung menyokong Laporan Audit Dalam MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar bagi tahun 2013 iaitu telah menunjukkan usaha-usaha yang baik dalam pelaksanaan SPK yang didokumenkan seiring dengan MS ISO 9001:2008 dan secara amnya, kebanyakan proses yang dijalankan di Pejabat Pendaftar memenuhi keperluan prosedur-prosedur kerja dan peraturan yang berkaitan.

### Audit Autonomi


Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada agensi pusat dan pihak kementerian kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat membolehkan IPTA bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan. Pada tahun 2013 UTeM telah membuat persediaan awal bagi melaksanakan Audit Kesediaan Autonomi dengan menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja bagi setiap bidang (Institusi, Sumber Manusia, Kewangan dan juga Akademik). Bengkel Pelaksanaan Audit Kesediaan Autonomi ini telah di laksanakan sebanyak 2 kali iaitu di peringkat dalaman dan juga luaran bagi memantapkan maklumat dan isi kandungan Buku Audit Kesediaan Autonomi yang akan diterbitkan pada awal Januari 2014 untuk tujuan penghantaran Laporan Lengkap ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pihak MPC akan menjalankan Audit Kesediaan Autonomi kepada UTeM pada April 2014.





## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diadakan pada 5 Julai 2013 bertempat di Dewan Besar UTeM. Seramai 1965 orang staf yang aktif di UTeM pada tahun 2012. Melalui mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang bersidang pada 7 Jun 2013, Mesyuarat telah bersetuju memperakukan seramai 154 orang staf diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Pada tahun 2012, Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C) iaitu pingat yang dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan. Seorang staf UTeM telah berjaya dianugerahkan pingat ini. Taburan peratus penerima APC mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut :



Rajah 31 : Taburan Peratus Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



## Amalan 5S

Pada tahun 2013, Pejabat Pendaftar telah melancarkan Projek Amalan 5S Pejabat Pendaftar. Kelulusan peruntukan kewangan telah diluluskan oleh Naib Canselor dan secara rasminya projek 5S telah bermula pada 6 Februari 2013. Sebanyak lapan (8) Zon 5S telah diwujudkan di Pejabat Pendaftar.

Antara projek yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 ialah program Seiri (Sisih) dan Seiton (Susun). Beberapa siri lawatan ke Pusat Tanggungjawab yang telah melaksanakan 5S turut dikunjungi seperti Pejabat Bendahari dan Pembangunan UTeM. Bengkel Juruaudit 5S pula telah diadakan selama dua (2) hari bertempat di MITC Melaka. Majlis Pelancaran 5S telah diadakan pada 6 September 2013 bertempat di Auditorium Canselori, UTeM. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pendaftar UTeM selaku Penaung 5S Pejabat Pendaftar dengan pelancaran slogan “Jom Kita 5S”.


## Pelantikan Pro-Canselor

Pada tahun 2013 UTeM telah menerima pelantikan semula dan lantikan baru Pro-Canselor UTeM seperti berikut:

BIL.	NAMA	TEMPOH	CATATAN
1	Y.Bhg. Tan Sri Dr. Johari bin Mat	15 Julai 2013 - 14 Julai 2015 (2 Tahun)	Lantikan Semula
2	Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh	1 Oktober 2013 - 30 September 2016 (3 Tahun)	Lantikan Baru

Jadual 63 : Pelantikan Pro-Canselor

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Pada tahun 2013 UTeM telah menerima beberapa lantikan baru dan penyambungan semula Ahli Lembaga Pengarah. Berikut merupakan lantikan baru dan lantikan semula sepanjang tahun 2013:

BIL.	NAMA	JAWATAN DI UTeM	JAWATAN RASMI	KUOTA	Tempoh Lantikan
1	YBrs. Dr. Aris bin Kasan	Ahli Lembaga Pengarah	Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia	Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia	1 Oktober 2013 - 30 September 2016 (3 Tahun)
2	Puan Kholiah binti Ismail	Ahli Lembaga Pengarah	Timbalan Ketua Pasukan Projek Obb, Kementerian Kewangan Malaysia	Wakil Kementerian Kewangan Malaysia	1 Jun 2013 - 31 Mei 2016 (3 Tahun)

Jadual 64 : Lantikan Baru Ahli Lembaga Pengarah Bagi Tahun 2013

BIL.	NAMA	JAWATAN DI UTeM	JAWATAN RASMI	KUOTA	Tempoh Lantikan
1	YBhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin	Pengerusi Lembaga Pengarah	Pengerusi, Erinco Sdn. Bhd.	Pengerusi Lembaga Pengarah	1 Jun 2014 - 31 Mei 2016
2	YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Raman bin Haji Saad	Ahli Lembaga Pengarah	Ahli Parlimen Kawasan Tangga Batu	Wakil Sektor Swasta	15 Julai 2013 - 14 Julai 2016
3	YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh	Ahli Lembaga Pengarah	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	Wakil Kementerian Kewangan Malaysia	16 Julai 2013 - 15 Julai 2016

Jadual 65 : Lantikan Semula Ahli Lembaga Pengarah Bagi Tahun 2013

## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 2013, sebanyak enam (6) bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah telah dijalankan dengan sejumlah 43 buah kertas kerja telah dibincangkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4 bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan di Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka manakala 2 Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan di luar Universiti. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang telah diadakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut;

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	LOKASI
1.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2013	4 Mac 2013	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2013	25 April 2013	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
3.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2013	3 Julai 2013	Bilik Mesyuarat Ilyushin, Hotel Sama-Sama, Kuala Lumpur International Airport, (KLIA)
4.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2013	9 September 2013	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
5.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2013	30 Oktober 2013	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
6.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2013	30 Disember 2013	Bilik Mesyuarat Ilyushin, Hotel Sama-Sama, Kuala Lumpur International Airport, (KLIA)


Jadual 66 : Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Sepanjang Tahun 2013

## Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Sebanyak empat (4) Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sepanjang tahun 2013 seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT MBJ	TARIKH
1.	Bil. 1/2013	22/3/2013
2.	Bil. 2/2013	16/6/2013
3.	Bil. 3/2013	10/9/2013
4.	Bil. 4/2013	13/12/2013

Jadual 67 : Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Sepanjang Tahun 2013





## Kesejahteraan Personel

### Motivasi Bulanan

Program Motivasi Bulanan dijalankan khas untuk staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai satu landasan perkongsian berkaitan motivasi dalam kehidupan. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 10 Program Motivasi Bulanan telah berjaya dijalankan.

BIL.	TAJUK	TARIKH	TEMPAT
1.	Poket Kering	17 Januari 2013	Auditorium Canselori
2.	Kecek Molek	21 Februari 2013	Auditorium Canselori
3.	Fantasia Bulan Madu	20 Mac 2013	Auditorium Canselori
4.	Cinta Sampai Syurga	30 April 2013	Auditorium Canselori
5.	Senyum Dalam Tekanan	30 Mei 2013	Auditorium Canselori
6.	Positiflah Sikit	26 Jun 2013	Auditorium Canselori
7.	Soalan Bocor Dari Kubur	18 Julai 2013	Auditorium Canselori
8.	Sedangkan Lidah Lagi Tergigit	3 September 2013	Auditorium Canselori
9.	My Heart	11 Disember 2013	Auditorium Canselori
10.	Siapa Aku Disisimu	17 Disember 2013	Auditorium Canselori

Jadual 68 : Program Motivasi Bulanan 2013






## Bengkel

Sepanjang 2013, sebanyak 3 bengkel telah dilaksanakan iaitu 1 Bengkel Keluarga dan 2 Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah. Bengkel Keluarga dengan tajuk Bengkel Parenting : Anak-anak Autism, dijalankan bagi mendidik ibubapa akan tanggungjawab, peranan dan keperluan mereka sebagai ibubapa anak-anak autism. Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah (BPKB) atau dikenali sebagai POWER pula merupakan satu kaedah bimbingan kewangan yang sistematik ke arah melahirkan staf tanpa kadar keberhutangan tinggi.

BIL.	BENKEL	TARIKH	TEMPAT
1.	POWER Bil. 1/2013	29 Mac 2013	Auditorium PPS
2.	Bengkel Parenting : Anak-anak Autism	10 April 2013	Auditorium PPS
3.	POWER Bil. 2/2013	19 Jun 2013	Auditorium Canselori

Jadual 69 : Bengkel 2013




## Ujian Psikometrik Perjawatan

Bagi tujuan saringan Perjawatan Bukan Akademik dan Temuduga Skim Fellow Universiti, Ujian Psikometrik dilaksanakan sebagai medium pengukuran aspek psikologi calon dengan menggunakan 2 jenis inventori. Inventori Personaliti Sidek / Inventori Personaliti Eysenck digunakan bagi mengukur personaliti diri calon serta kestabilan emosi manakala Self-Directed Search akan mengukur minat dan kecenderungan kerjaya calon. Sebanyak 9 ujian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013.

BIL.	JAWATAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S27	22 Februari 2013	Auditorium Canselori
2.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S27	17 Jun 2013	Pusat Islam
3.	Pembantu Tadbir (PT/PO) N17	18 Jun 2013	Pusat Komputer
4.	Pengawal Keselamatan KP11	18 Julai 2013	Pusat Sukan
5.	Pembantu Akauntan W17	19 September 2013	Canselori
6.	Pembantu Am Pejabat N1	31 Oktober 2013	Auditorium Canselori
7.	Pekerja Awam R1	31 Oktober 2013	Auditorium Canselori
8.	Penolong Pendaftar N41	22 November 2013	Auditorium Canselori


Jadual 70 : Ujian Psikometrik Perjawatan 2013



LAPORAN KEWANGAN DAN PRESTASI



اونیورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA






# LAPORAN KEWANGAN DAN PRESTASI

## Keseluruhan

Pendapatan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 berjumlah RM353.24 juta, meningkat sebanyak RM68.29 juta (23.97%) berbanding RM284.95 juta bagi tahun 2012. Perbelanjaan UTeM bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM344.24 juta berbanding RM238.85 juta bagi tahun 2012, iaitu meningkat sebanyak RM105.39 juta (44.13%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM untuk tempoh lima tahun adalah seperti rajah di bawah.






Rajah 32 : Pendapatan dan Perbelanjaan 2009 - 2013

## Kumpulanwang Mengurus

Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 berjumlah RM228.88 juta, meningkat sebanyak 6.99% berbanding RM213.91 juta bagi tahun 2012. Daripada jumlah ini, RM205.69 juta atau 89.87% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM23.19 juta (10.13%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.


Perbelanjaan mengurus tahun 2013 berjumlah RM227.50 juta iaitu meningkat sebanyak 4.87% berbanding RM216.93 juta bagi tahun 2012, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2013 bagi pembelian aset tetap dan kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM17.49 juta.




## Kumpulanwang Mengurus

Peruntukan pembangunan tahun 2013 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM30.00 juta berbanding RM3.00 juta dalam tahun 2012, meningkat sebanyak 900.00%.

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2013 pula berjumlah RM93.55 juta berbanding RM15.23 juta bagi tahun 2012, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2013 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM43.03 juta.



Rajah 35 : Perbandingan Pendapatan Pembangunan Tahun 2012 dan 2013




Rajah 36 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2012 dan 2013


## Kumpulanwang Penyelidikan

Kumpulanwang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Jumlah pendapatan penyelidikan bagi tahun 2013 berjumlah RM8.38 juta bertambah sebanyak 9.15% berbanding RM7.68 juta bagi tahun 2012.


Perbelanjaan penyelidikan tahun 2013 berjumlah RM6.99 juta iaitu meningkat sebanyak 40.31% berbanding RM4.98 juta bagi tahun 2012, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2013 bagi pembelian aset tetap berjumlah RM1.04 juta.



Rajah 37 : Perbandingan Pendapatan Penyelidikan Tahun 2012 dan 2013



Rajah 38 : Perbandingan Perbelanjaan Penyelidikan Tahun 2012 dan 2013







**LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2013  
(TELAH DIAUDIT)  
SUMMARY OF FINANCIAL STATUS AND PERFORMANCE 2013 (AUDITED)**

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING IMPORTANT FINANCIAL STATISTICS	2013 (RM)	2012 (RM)	PERBEZAAN DIFFERENCE (%)
i. Pendapatan Mengurus / <i>Operating Income</i>			
- Pemberian Kerajaan / <i>Government Grant</i>	180,653,400	180,434,000	0.12
- Sumber Dalaman / <i>Internal Sources</i>	23,186,491	21,480,392	7.94
- Tambahan Geran / <i>Additional Grant</i>	25,035,145	12,000,000	108.63
	228,875,036	213,914,392	6.99
Pendapatan Pembangunan / <i>Development Income</i>			
- Pemberian Kerajaan / <i>Government Grant</i>	30,000,000	3,000,000	900.00
ii. Perbelanjaan / <i>Expenditure</i>			
a) Mengurus / <i>Operating</i>	(227,496,469)	(216,932,804)	4.87
b) Pembangunan / <i>Development</i>	(93,547,928)	(15,230,432)	514.22
	(321,044,397)	(232,163,236)	38.28
iii. Lebihan/(Kurangan) / <i>Surplus/(Deficit)</i>			
a) Mengurus / <i>Operating</i>	1,378,567	(3,018,412)	(145.67)
b) Pembangunan / <i>Development</i>	(63,547,928)	(12,230,432)	419.59
	(62,169,361)	(15,248,844)	307.70
iv. Lebihan Berkumpul / <i>Accumulated Surplus</i>			
a) Mengurus / <i>Operating</i>	89,401,438	93,637,835	(4.52)
b) Pembangunan / <i>Development</i>	477,232,721	540,829,297	(11.76)
	566,634,159	634,467,132	(10.69)
v. Aset Tetap / <i>Fixed Assets</i>	504,535,774	367,263,020	37.38
vi. Aset Semasa / <i>Current Assets</i>	197,952,098	175,244,677	12.96
vii. Tanggungan Semasa / <i>Current Liabilities</i>	11,769,260	27,638,256	(57.42)
viii. Tanggungan Jangka Panjang / <i>Long Term Liabilities</i>	5,950,811	5,222,466	13.95
ix. Aset Bersih / <i>Net Assets</i>	739,491,197	782,029,355	(5.44)
x. Modal Digunakan / <i>Capital</i>	733,540,386	776,806,889	(5.57)
xi. Penglibatan Modal / <i>Capital Commitment</i>			
- Kontrak diluluskan dan terikat <i>Approved Contracts and Committed</i>	23,928,588	19,546,739	22.42
- Kontrak diluluskan tetapi belum terikat <i>Approved Contracts but not yet Committed</i>	503,778	531,140	(5.15)

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING IMPORTANT FINANCIAL STATISTICS	2013 (RM)	2012 (RM)	PERBEZAAN DIFFERENCE (%)
xii. Rizab Tunai / <i>Cash Reserve</i>			
- Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposit</i>	156,000,000	137,000,000	13.87
- Wang di Bank / <i>Cash at Bank</i>	12,246,408	18,920,850	(35.28)
xiii. Nisbah Kewangan / <i>Financial Ratios</i>			
a) Aset Semasa/Tanggung Semasa <i>Currents Assets/Current Liabilities</i>	16.82 : 1	6.34 : 1	
b) Aset Mudah Cair/Tanggung Semasa <i>Liquid Assets/Current Liabilities</i>	14.54 : 1	5.64 : 1	
c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset <i>Total Debt/Total Assets</i>	0.02 : 1	0.04 : 1	
d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan <i>Capital/Total Liabilities</i>	41.40 : 1	23.64 : 1	
e) Modal Digunakan/Aset Tetap <i>Capital/Fixed Assets</i>	1.45 : 1	2.12 : 1	







UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGĒNAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.



Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan *Emphasis of Matter*.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

*Emphasis of Matter*

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap polisi peruntukan hutang ragu Universiti Teknikal Malaysia Melaka iaitu penghutang yang tidak menjelaskan hutang melebihi setahun akan diperuntukkan 100% jumlah hutang tersebut sebagai hutang ragu. Pada tahun semasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka tidak memperuntukkan hutang ragu sejumlah RM3.0 juta terhadap pendahuluan pelbagai, deposit sewa bangunan, deposit utiliti, deposit perkhidmatan, deposit sewa bangunan kediaman dan lain-lain deposit. Penghutang tersebut tidak membuat pembayaran balik sejak tahun 2003 hingga 2009. Ini menyebabkan perbelanjaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah terkurang catat sejumlah RM3.0 juta manakala keuntungan bersih telah terlebih catat sejumlah RM3.0 juta.

  
(LIM CHIN TEONG)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
28 OGOS 2014



تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah**

Kami, TAN SRI DATO' IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN dan PROFESOR DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



TAN SRI DATO' IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN  
Pengerusi Lembaga Pengarah

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PROFESOR DR. SHAHEIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN  
Naib Canselor

Tarikh : 10 JUL 2014  
Melaka

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas,  
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka  
pada **22 MAY 2014**.



)  
) *Khairul Bin Taib*  
)  
)  
) KHAIRUL BIN TAIB  
) NO. K/P : 630321-01-6027

اوبنيور سي تي كنيلك مليسيا ملاك  
